



Johor bubar DUN



4



TYT prihatin

4

18 'wishlist' Melaka

- Sulaiman garis lima keutamaan pacu pembangunan, ekonomi Melaka
- MWEZ dibawa ke peringkat teknikal - Mustapa
- RMKe-12: Melaka mohon peruntukan RM10 bilion
- Elemen kelestarian jadi keutamaan - KM **2 & 3**



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua dari kiri) menyerahkan buku khas Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) kepada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed pada Sesi Roadshow Pasca Rancangan Malaysia ke-12 Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bersama Kerajaan Negeri Melaka di sebuah hotel di Kuala Lumpur, 21 Jan lalu. Foto: Azren Jamaludin



Dapatkan e-paper
MHI di sini

Dari meja
pengarang

Salam semua
pembaca,

BAGI pihak Melaka Hari Ini, kami amat meng-
hargai segala sokongan
anda kepada akhbar ini,
yang tahun ini berusia
40 tahun.

Selaras dengan usa-
ha menambahbaik kan-
dungan MHI, kami akan
memperkenalkan ruan-
gan baharu untuk me-
luaskan liputan berita
hingga ke peringkat
akar umbi.

Mulai edisi minggu
ini, MHI akan tampil
dengan pertambahan
lapan muka surat serta
ruangan baharu iaitu
Fokus DUN.

Ruangan ini akan
mengutamakan liputan
berita dan peristiwa me-
narik di peringkat DUN.

Semoga usaha ini
dapat membantu mera-
patkan jurang komuni-
kasi di antara kerajaan
dan rakyat dan sebalik-
nya.

Di samping edisi ce-
tak, MHI akan terus me-
ningkatkan liputan be-
rita melalui platform
dalam talian dan media
sosial MHI.

Kami juga mengalu-
alukan segala pandan-
gan dan maklumbalas
anda dalam usaha
menjadikan MHI seba-
gai media yang utama
di Melaka.

Sekian, Terima kasih

Pengarang

PBT Melaka **5**
berwajah baharu



Asam pedas Melaka
masih murah **22**



Melaka United
pilih 'Vida' **32**



Lima keutamaan pacu pembangunan, ekonomi rakyat Melaka - KM

Fiqa Jamal

KUALA LUMPUR – Kerajaan Melaka menggariskan lima perkara keutamaan negeri itu untuk dinilai dan seterusnya diluluskan kerajaan persekutuan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, lima perkara itu ialah Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ), Memperkasa Sektor Pelancongan dan Penjajaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

Sulaiman berkata, Pembasmian Kemiskinan juga terkandung sebagai keutamaan selain turut menyenaraikan 18 'wishlist' Kerajaan Negeri Melaka.

"Bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed yang hadir pada Sesi Roadshow Pasca Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

"Kehadiran ramai delegasi dari



TIMBALAN Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) merangkap **Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar** dan peserta tekun mendengar taklimat dan pembentangan pada **Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka** di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada sesi ini diharapkan dapat berkongsi

dan membuat hebahan mengenai kandungan RMKe-12.

"Pada masa sama ia juga

dapat membincangkan secara menyeluruh mengenai cadangan projek-projek keutamaan yang bakal

diangkat pada fasa 'Rolling Plan' 3 (RP3), RMKe-12 kelak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sesi Roadshow Pasca Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bersama Kerajaan Melaka, di sebuah hotel, di sini, 21 Jan lalu.

Jelas Sulaiman, sesi 'roadshow' itu merupakan kesinambungan Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka yang bakal diangkat sebagai pelan strategi untuk model pembangunan Melaka.

Dalam pada itu, beliau mewakili kerajaan negeri juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas kelulusan pelaksanaan projek-projek di bawah RP 1 dan 2 bagi tahun 2021.

Sulaiman berkata, bagi RP1 tahun 2021 kerajaan negeri menerima peruntukan sebanyak RM351 juta, manakala pada tahun ini sebanyak RM574 juta telah diluluskan pada RP2.



SULAIMAN mengatakan sesuatu kepada **Mustapa** dalam Sesi Roadshow Pasca RMKe-12 Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Bersama Kerajaan Negeri Melaka. (Foto: Iqmal Haqim Rosman)

Melaka mohon RM10 bilion menerusi RMKe-12 – KM

KUALA LUMPUR - Kerajaan Melaka memohon peruntukan RM10 bilion daripada kerajaan pusat menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi projek pembangunan di negeri itu.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kelulusan permohonan itu akan dipilih mengikut keutamaan oleh kerajaan pusat.

Katanya, peruntukan dimohon itu meliputi empat 'rolling plan' (RP) oleh kerajaan negeri bagi kesemua projek yang dianggap keutamaan.

"Kalau di peringkat negeri,

semua ikut keutamaan pada kita, tapi bila sampai pada kerajaan pusat, mereka akan melihat semula dengan jumlah-jumlah yang boleh dibantu untuk diberi kepada kerajaan negeri.

"Peruntukan terbabit akan digunakan macam saya sebut tadi dalam 'rolling plan' pertama kita dapat RM 300 juta, dalam RP kedua kita dapat RM 574 juta. Kalau dicampur kedua-dua RP hampir RM1 bilion.

"Jadi lebihan akan disalurkan kepada mana-mana projek utama dalam RP ketiga dan keempat pula," katanya.

Beliau berkata, demikian dalam sidang media selepas menghadiri Sesi Roadshow Pasca Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Bersama Kerajaan Negeri Melaka di sebuah hotel di sini, 21 Jan lalu.

Hadir sama, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan kenamaan lain.

18 'Wishlist' Kerajaan Negeri Melaka:

1. Menaik taraf dan bina baru jalan empat orong persisiran pantai dari Hatten City ke Semabok.
2. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Putat dan Sungai Durian Tunggal.
3. Menaik taraf jalan dari Persimpangan Seri Negeri - Persimpangan Jalan Tun Hamzah - Kg Bukit Katil - Persimpangan Duyong - Persimpangan AMJ Jambatan Duyong (menaik taraf jalan dari Persimpangan JJP ke Persimpangan Semabok AMJ).
4. Membina persimpangan bertingkat di Persimpangan Pulau Gadong dan Persimpangan Cheng Perdana Laluan Lebu AMJ.
5. Kajian terperinci dan reka bentuk pembinaan empangan pesisir pantai (coastal reservoir) di lembangan sungai-sungai Melaka.
6. Kajian kemungkinan terperinci dan reka bentuk kerja menaik taraf empangan Durian Tunggal.
7. Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Lendu, Machap dan Bukit Katil.
8. Cadangan bina Klinik Kesihatan (Jenis 2) dengan 8DCE (Dental Chair) Bukit Katil.
9. Cadangan kerja penggantian sistem bekalan air panas serta kerja berkaitan di blok tambahan Hospital Melaka.
10. Cadangan bina Kompleks Perkhidmatan Rawatan Ambulatori beserta Klinik-Klinik Pakar di Hospital Melaka.
11. Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah dan dua Balai Polis di Ayer Keroh dan Sungai Rambai serta perumahan.
12. Cadangan pembangunan Rumah Kedai di 7 Lot Taman Ambassador Village, Durian Tunggal, Alor Gajah.
13. Cadangan naik taraf infrastruktur di Lot Tanah Industri Kawasan Perindustrian Melaka Halal Hub Fasa 2, seluas 3.253 hektar.
14. Cadangan pembinaan Mini Stadium Masjid Tanah.
15. Cadangan bina padang sintetik di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Melaka, Ayer Keroh.
16. Cadangan naik taraf Stadium Jasin.
17. Pembinaan Akademi KEMAS.
18. Pembinaan Akademi Latihan Kehakiman Syariah.

WAKTU SOLAT						
Ditipkan Abu Husein bin Ibrahim Basulikh SAW bersabdo: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.						
24 Januari 2022 - 30 Januari 2022 (21-27 Jamadilakhir 1443H)						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24 JANUARI 2022	6.02 am	7.23 am	1.26 pm	4.48 pm	7.25 pm	8.37 pm
25 JANUARI 2022	6.02 am	7.24 am	1.26 pm	4.48 pm	7.25 pm	8.38 pm
26 JANUARI 2022	6.02 am	7.24 am	1.26 pm	4.48 pm	7.25 pm	8.38 pm
27 JANUARI 2022	6.02 am	7.24 am	1.26 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm
28 JANUARI 2022	6.03 am	7.24 am	1.27 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm
29 JANUARI 2022	6.03 am	7.24 am	1.27 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm
30 JANUARI 2022	6.03 am	7.24 am	1.27 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm

Pembangunan Melaka ambil kira elemen kelestarian

Liana Sahabudin

KUALA LUMPUR - Kerajaan negeri mahu setiap perancangan dan pembangunan yang sedang serta bakal dilaksanakan mengambil kira elemen kelestarian.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, elemen itu perlu menjadi teras dalam pembangunan mampan Negeri Melaka.

"Ini selari dengan misi dan visi Kerajaan Negeri Melaka untuk memperkasa 'Melaka Rumahku' yang di dalamnya terkandung

'Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035' atau PSMJ 2035," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai sesi Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka yang diadakan di sebuah hotel, di sini, 20 dan 21 Jan lalu.

Beliau berkata, konvensyen yang diadakan itu bakal memberikan pelbagai pengisian dalam memacu pembangunan mampan di negeri ini.

Antara program yang diadakan ialah seperti slot pembentangan disampaikan dua penceramah dari-



EXCO Kanan Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (tengah) tersenyum mendengar taklimat dan pembentangan pada Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka di sebuah hotel di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Turut kelihatan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari (kiri) dan Exco Kerja Raya Datuk Rahmad Mariman (kanan).

pada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Urbanice Malaysia.

Selain itu, turut diadakan pembentangan kumpulan fokus untuk diangkat sebagai pelan strategi untuk model pembangunan Negeri Melaka.

Bagi Flagship 1: "Pembangunan Ekonomi Melaka" disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ) Mohd Yusof Abu Bakar; disusuli Flagship 2: "Melaka Negeri Usahawan - Pembangunan Industri & PKS" disampaikan oleh EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian, dan Pembangunan Usahawan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Flagship 3: Melaka Negeri Usahawan (Pembangunan Industri Pertanian & Makanan) disampaikan

Datuk Abdul Razak Abdul Rahman; Flagship 4: Pembangunan Infrastruktur Lestari disampaikan Datuk Rahmad Mariman; Flagship 5: Perbandaran Mampan disampaikan oleh Datuk Zaidi Attan; Flagship 6: Melaka Negeri Pelancongan disampaikan oleh Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Ia disusuli pembentangan Datuk Rais Yasin yang memfokuskan Flag-

ship 7: Pendidikan dan Teknologi; diikuti Flagship 8: Melaka Sejahtera (Perpaduan) disampaikan Ngwe Hee Sem; Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kebajikan) disampaikan Datuk Kalsom Noordin; Flagship 8: Melaka Sejahtera (Kesihatan) disampaikan Dr Akmal Saleh, dan yang terakhir Flagship 8: Melaka Sejahtera (Belia & Sukan) disampaikan VP Shanmugam.

“ Ini selari dengan misi dan visi Kerajaan Negeri Melaka untuk memperkasa 'Melaka Rumahku' yang di dalamnya terkandung 'Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035' atau PSMJ 2035 ”

MWEZ 'game changer' buat Melaka

KUALA LUMPUR - Melaka memerlukan sebuah koridor ekonomi sendiri yang bakal menjadi 'game changer' kepada landskap ekonomi negeri, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ) di kawasan tambak laut seluas lebih 6,000 hektar itu bakal menjadi sebuah tapak perdagangan berkonsep baharu dengan penambahan elemen pembangunan lestari dan mampan untuk kemajuan negeri.

Katanya, dengan koridor ekonomi itu juga, ia dapat mengurangkan kebergantungan Melaka terhadap sektor pelancongan yang sebelum ini terkena tempas akibat pandemik COVID-19.

"Sebelum ini Melaka hanya dijadikan lokasi pelancongan hujung minggu iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad. Adakah kita hanya boleh bergantung dengan ini selama-lamanya.

"Maka, sebab itulah kita wujudkan MWEZ sebagai satu 'game changer' yang akan menjadikan Melaka bukan sekadar negeri pelancongan, bahkan menjadi sebuah pusat perniagaan yang akan dikunjungi setiap hari.

"Kita mahu Melaka menjadi seperti Singapura dan Pulau Pinang yang mana walaupun bentuk geografinya kecil, sama seperti Melaka, namun sumber ekonomi serta kemajuannya berkembang," katanya.

Beliau berkata, demikian dalam sidang media selepas menghadiri Konvensyen Hala Tuju Perancangan

Pembangunan Negeri Melaka dan Sesi Roadshow Pasca Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bersama Kerajaan Melaka, di sebuah hotel di Kuala Lumpur, 21 Jan lalu.

Hadir sama, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, kewujudan MWEZ juga dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat pada masa akan datang.

"Di Melaka sahaja ada lebih 20 institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang bakal melahirkan lebih ramai para graduan selepas ini.

"Jadi, anak-anak ini selepas tamat pengajian, bagaimana jika tiada lagi peluang pekerjaan.

"Sebab itulah pentingnya koridor ekonomi baharu ini dalam memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dan pembangunan dapat diwujudkan untuk jangka masa panjang," katanya.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata, 2022 juga bakal menjadi tahun pelaksanaan bagi Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang dilancarkan tahun lalu.

Jelasnya, memandangkan pelan tersebut mengambil masa selama 15 tahun, maka segala perancangan haruslah dilaksanakan bermula dari sekarang.

Pertimbang MWEZ, lebuhraya pantai di Melaka

Fiqa Jamal

KUALA LUMPUR - Dua projek ikonik di Melaka antara yang akan dipertimbangkan dan diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata dua projek itu ialah lebuhraya pesisir pantai Melaka sejauh 52 kilometer dan koridor ekonomi Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ).

Berhubung projek MWEZ, beliau berkata, Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan mengadakan perbincangan di peringkat teknikal terlebih dahulu sebelum projek berkenaan diangkat ke peringkat lebih tinggi.

"Jadi, EPU akan berbincang dengan kerajaan negeri Melaka bagaimana untuk memperhalusnya lagi (Projek MWEZ). Di pihak saya dan Perdana Menteri, ia sudah dibentangkan dan dimaklumkan.

"Mereka memohon agar diberi pertimbangan memandangkan hampir keseluruhan negeri di Malaysia ada projek koridor ekonomi, namun Melaka terkeluar dan ini ialah permohonan mereka sendiri.

"Jadi, apa yang kita akan buat ialah kita akan memperhalusnya lagi dan berjumpa di peringkat teknikal, selepas itu Ketua Menteri (Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali) akan berbincang dengan Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, demikian dalam sidang media selepas menghadiri Sesi Roadshow Pasca Rancangan Malaysia Ke-12 Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bersama Kerajaan Negeri Melaka di sebuah hotel di Kuala Lumpur, 21 Jan lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, selain dua projek tersebut, peruntukan untuk sektor pelancongan juga akan diberi keutamaan memandangkan Melaka merupakan sebuah negeri pelancongan.

Katanya, beberapa insentif dan peruntukan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui pakej rangsangan ekonomi juga akan disalurkan kepada Melaka yang menjadi antara negeri terjejas sejak pandemik COVID-19 melanda negara.



ILUSTRASI lakaran projek MWEZ yang dicadangkan untuk dibangunkan di Melaka.

Tun Mohd Ali turun padang bantu agih sumbangan

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam meluangkan masa membantu kerja-kerja mengagihkan sumbangan kepada mangsa banjir di negeri ini.

Beliau menghabiskan masa selama dua jam bersama warga Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di Autocity, Ayer Keroh, bagi memastikan sumbangan itu dapat disalurkan dengan sempurna.

Tun Mohd Ali yang juga Presiden DMDI turut membantu memunggah barang, membungkus barangan keperluan harian serta melakukan kerja-kerja menanda barangan sumbangan.

Kesemua barangan itu adalah

hasil sumbangan daripada DMDI Jamiyah Singapura.

Pada masa sama, Tun Mohd Ali turut memeriksa senarai nama mangsa banjir di negeri ini dalam sistem manual sumbangan bagi memastikan barangan itu sampai tepat kepada golongan yang memerlukan.

Selesai di Autocity, beliau turut berkonvoi bersama warga DMDI menuju ke FoodBank DMDI Kota Cemerlang bagi melihat kerja-kerja menurunkan barangan sumbangan yang telah selesai dimasukkan ke dalam kotak.

DMDI dalam satu kenyataan menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan Tun Mohd Ali yang merupakan 'bapa' pembangunan dan kecemerlangan DMDI sepanjang 22 tahun lalu.



TUN Mohd Ali turun padang ke Autocity Ayer Keroh bagi melihat kerja-kerja pengagihan sumbangan kepada mangsa banjir.

DUN Johor dibubarkan


JOHOR BAHRU - Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan menandatangani watak pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor pada 22 Jan lalu untuk memberi laluan kepada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Menurut kenyataan menerusi laman Facebook rasmi Baginda, pembubaran DUN Johor selaras Fasal 23 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.

Terdahulu, Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad di Istana Bukit Serene di sini pada 5 petang, 22 Jan.

Berangkat sama, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Pada pertemuan itu, Hasni diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Datuk Azmi Rohani yang kemudian mempersembahkan watak pembubaran Dewan Negeri Johor.



SULTAN Ibrahim berkenan menandatangani watak pembubaran Dewan Negeri Johor (DUN) untuk memberi laluan kepada Pilihan Raya Negeri (PRN).

Skirt atas lutut, seluar pendek tak dibenar masuk Seri Negeri

Faiz Hasan

AYER KEROH - Mana mana wanita mengenakan skirt perlu mematuhi kod etika pemakaian iaitu melebihi paras lutut sekiranya ingin berurusan di pejabat Pusat Pentadbiran Kerajaan di Seri Negeri, di sini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Zaidi Johari berkata, orang ramai perlu menghormati kod

etika pemakaian berkenaan seperti mana yang telah ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Mereka perlu memakai pakaian sopan mengikut kod etika pemakaian pada waktu pejabat seperti yang ditetapkan JPA, bagi mengelakkan kes tidak dibenarkan masuk.

"Bagi lelaki berseluar panjang, manakala wanita pula berbaju kurung atau pa-

kai menutup aurat.

"Jika pakai seluar pendek atau mengenakan skirt di atas paras lutut memang tidak dibenarkan masuk kerana kita (kalau) nak datang ke pejabat kerajaan perlulah pakai pakaian sesuai," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Zaidi mengingatkan, kod etika pakaian itu juga terpakai di semua pejabat kerajaan dan bukan di Seri Negeri sahaja.

RM18j faedah kepada pencarum Perkeso

Siti Salehah

AYER MOLEK - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Melaka membelanjakan lebih RM18 juta bagi membuat pembayaran faedah kepada pencarum dan waris sepanjang pada tahun lalu.

Pengarah Perkeso negeri Abd Razak Omar berkata, jumlah pembayaran itu membabitkan 7,479 kes menerusi enam faedah di bawah pertubuhan itu.

Beliau berkata, jumlah pembayaran faedah itu menurut berbanding RM24 juta dibelanjakan bagi tujuan sama pada tahun 2020.

"Sepanjang tahun lalu pembayaran faedah hilang upayasementara (HUS) merekodkan pembayaran tertinggi dengan nilai lebih RM8.6 juta membabitkan 5,498 kes, diikuti hilang upaya kekal (HUK) dengan nilai lebih

RM7.1 juta dengan 406 kes.

"Manakala pembayaran faedah pengu-rusan mayat (FPM) kepada waris pula sejumlah RM1.65 juta dengan bilangan kes sebanyak 864, manakala RM676,000 dibelanjakan untuk membayar Pencen Penakat," katanya.

Beliau berkata, demikian selepas menyampaikan faedah Perkeso kepada waris pencarum yang meninggal dunia akibat COVID-19 yang turut dihadiri EXCO Tenaga Kerja Ngwe Hee Sem, di Bukit Lintang, 19 Jan lalu.

Menurutnya, Perkeso juga turut membuat pembayaran lebih RM670,000 bagi Pencen Ilat dan sejumlah lebih RM55,000 untuk bayaran faedah orang tanggungan (FOT) kepada waris pencarum sepanjang tahun lalu.



YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menerima kunjungan hormat daripada pengurusan tertinggi Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM) pada 17 Jan lalu. Kunjungan hormat itu diketuai Pemangku Presiden YARM Mohd Nizam Mohd Isa bersama Setiausaha Agung YARM Alimuddin Rahim; Pengerusi YARM Negeri Melaka Meor Hassan Mat Ali dan Setiausaha Ahmad Fairuz Ahmad.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 24 JANUARI - 27 JANUARI 2022

Isnin
24/01/2022



Pagi: hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Hujan di satu dua tempat
Min: 23° / Maks: 32

Selasa
25/01/2022



Pagi: Ribut petir di sebahagian kawasan
Petang: Mendung
Malam: Mendung
Min: 23° / Maks: 33°

Rabu
26/01/2022



Pagi: Mendung
Petang: Tiada hujan
Malam: Mendung
Min: 23° / Maks: 33°

Khamis
27/01/2022



Pagi: Tiada hujan
Petang: Mendung
Malam: Mendung
Min: 23° / Maks: 33°



ZAIDI (dua dari kiri) bersama Shadan (kiri) menyantuni peniaga makanan di Dataran Ayer Keroh.

Mengubah 'wajah' peniaga kecil Melaka

Norizan Muhid

AYER KEROH - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini akan menjalankan transformasi khususnya membabitkan infrastruktur dan pembangunan peniaga kecil.

EXCO Kerajaan Tempatan negeri Datuk Zaidi Atan berkata, kerajaan negeri menerusi empat PBT di negeri ini sedang giat melaksanakan usaha 'wajah baharu' kawasan perniagaan khususnya peniaga kecil di Melaka.

Katanya, usaha itu selaras dengan Manifesto Barisan Nasional (BN) di bawah teras kedua, iaitu menyokong kelangsungan perniagaan dengan memperbanyak tempat berniaga yang dilengkapi infrastruktur asas yang lengkap, dalam tempoh 100 hari pentadbiran kerajaan negeri.

"Transformasi ini meliputi membangunkan pusat

peniaga yang mempunyai infrastruktur lengkap, selain menyusun semula pasar malam, pasar serta bazar Ramadan pada bulan puasa nanti.

"Peluang perniagaan ini juga meliputi peluang baharu dan lama yang diwujudkan di semua kawasan PBT," katanya kepada pemberita selepas melawat pembukaan rasmi 'Leypark Station' di Dataran Ayer Keroh di sini 14 Jan lalu.

Turut hadir Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman.

Beliau yang juga EXCO Perumahan dan Alam Sekitar negeri berkata, perubahan itu bertujuan untuk membantu golongan peniaga menjana pendapatan baharu.

"Kita mahu peniaga kecil ini meningkatkan pendapatan atau menambah keuntungan lebih-lebih lagi dalam situasi penularan COVID-19," katanya.

Sedia kemudahan rawat sakit jantung di lokasi tumpuan

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Mesin Automated External Defibrillator (AED) perlu ditempatkan di kawasan tumpuan orang ramai bagi membantu menyelamatkan nyawa apabila diserang sakit jantung di tempat awam.

EXCO Kesihatan negeri Dr Muhamad Akmal Salleh berkata, mesin berkenaan boleh diletakkan di mana-mana kawasan tanpa perlu menggunakan sumber elektrik dan mudah digunakan sesiapa sahaja.

"Ramai yang tidak sedar bahawa kita mungkin boleh menyelamatkan nyawa seseorang yang kena serangan jantung di tempat awam dengan cara rawatan ban-

tuhan pernafasan (CPR) yang betul dan menggunakan mesin AED.

"Tetapi kadang-kadang disebabkan kita tidak dilatih untuk CPR dan menggunakan mesin AED ini menjadikan individu yang diserang serangan jantung lewat mendapatkan rawatan sementara menunggu ambulans dan kemungkinan besar akan kehilangan nyawa.

"Insya-Allah di Melaka, kita bercadang untuk menempatkan mesin AED ini di tempat tumpuan orang ramai seperti pusat belibelah, masjid, tokong, tempat rekreasi dan banyak lagi," katanya.

Mengulas lanjut, Akmal berkata pihaknya akan memperhebatkan latihan teknik CPR dan

penggunaan AED dalam kalangan rakyat Melaka supaya semua masyarakat mampu menyelamatkan nyawa apabila diperlukan.

"Semua ini memerlukan sokongan dari pihak kerajaan negeri, swasta, agensi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan semestinya sokongan dari rakyat Melaka.

"Terima kasih Dr Luah Konsultan Anaesthetist Hospital Pulau Pinang kerana sudi berkongsi idea dan cadangan untuk kami bawa di Melaka.

"Kini semua dari kita boleh menjadi superhero untuk menyelamatkan nyawa orang ramai dan mana tahu satu hari nanti nyawa kita pula diselamatkan oleh orang ramai," katanya.



DR Akmal (kiri) memeriksa mesin AED sambil diterangkan oleh Dr Luah. Foto Facebook Dr Akmal



HEE Sem (dua dari kanan) dan Abd Razak menyampaikan Faedah Orang Tanggungan dan Faedah Pengurusan Mayat kepada suri rumah yang kematian suami akibat jangkitan COVID-19 di Bukit Lintang.

Majikan 'degil' meningkat di Melaka

Siti Salehah

AYER MOLEK -Seramai 99 majikan di negeri ini didakwa di mahkamah sepanjang tahun lalu kerana ingkar ketetapan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Exco Tenaga Kerja negeri Ngwe Hee Sem berkata, jumlah itu meningkat berbanding tahun sebelumnya dengan 90 majikan didakwa di mahkamah.

Katanya, kesalahan paling banyak dikesan dan didakwa adalah dibawah Akta 4 (Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969) membabitkan kesalahan gagal membayar caruman Perkeso dengan 69 majikan.

"Sementara itu 23 lagi majikan dikesan gagal membayar caruman Sistem Insurans Pekerja (SIP) dan didakwa dibawah Akta 800.

"Manakala 10 majikan lagi didakwa kerana gagal

“Majikan perlu lebih bertanggungjawab dengan melaporkan sebarang kemalangan di tempat kerja kepada Perkeso selain perlu mendaftarkan dan membuat caruman ke atas pekerja masing-masing”

mematuhi saman jabatan dan bakinya didakwa selepas gagal mendaftar perusahaan serta pekerja mereka seperti yang dikehendaki," katanya.

Beliau berkata, demikian ketika ditemui selepas menyampaikan faedah Perkeso kepada waris pencazum yang meninggal dunia akibat COVID-19 yang turut dihadiri Pengarah Perkeso negeri Abd Razak Omar, di Bukit Lintang, 19 Jan lalu.

Terdahulu, Hee Sem dan Abd Razak menyampaikan Faedah Orang Tanggungan dan Faedah Pengurusan Mayat kepada suri rumah yang kematian suami akibat jangkitan COVID-19 ketika bertugas di Pontian, Johor tahun lalu.

Hee Sem berkata, sepanjang tahun lalu Perkeso Melaka mengeluarkan kompaun berjumlah RM8,500 terhadap lapan majikan didapati melanggar peraturan pertubuhan itu.

"Kompaun dikeluarkan membabitkan kesalahan lewat melapor kemalangan dibawah Peraturan 71(1) dan 71(2).

"Majikan perlu lebih bertanggungjawab dengan melaporkan sebarang kemalangan di tempat kerja kepada Perkeso selain perlu mendaftarkan dan membuat caruman ke atas pekerja masing-masing," katanya.

Bantuan RM200,000 OKU Sentral diagih kepada mangsa banjir



Norizan Muhid

AYER KEROH - Persatuan OKU Sentral menerima sumbangan pelbagai bentuk barangan bernilai RM200,000 untuk disalurkan kepada mangsa banjir.

Presidennya, Senator Datuk Ras Adiba Radzi berkata, sumbangan berbentuk barang keperluan itu akan diagihkan kepada mangsa banjir di Melaka, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

"Selain bantuan makanan dan kelengkapan rumah, kita juga membantu mengemaskediaman mangsa dan turun padang membantu yang terperangkap dalam kejadian banjir," katanya.

Beliau berkata demikian selepas

program penyampaian sumbangan mangsa banjir daripada Persatuan OKU Sentral dengan kerjasama Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB) di Seri Bendahara, 15 Jan lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, Presiden GMB, Agil Faisal Ahmad Fadzil dan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Terdahulu, Sulaiman menerima sumbangan berkenaan untuk diagihkan kepada mangsa banjir di negeri ini.

Agihan sumbangan kepada mangsa banjir di Melaka akan diurus selia Khaidhirah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim.



SULAIMAN (tengah) menerima bantuan banjir dari Ras Adiba (tiga dari kanan) di Seri Bendahara.

Mangsa banjir B40 bakal terima sumbangan perabot



SULAIMAN (dua dari kiri) bersama Ban Hong (tiga dari kanan) dan Hee Sam menerima sumbangan perabot untuk disalurkan kepada mangsa banjir di Melaka.

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Kerajaan negeri menerima sumbangan perabot bernilai lebih RM200,000 untuk diagihkan kepada mangsa terjejas banjir di negeri ini.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, sumbangan itu diterima daripada Majlis Perabot Malaysia (MFC) dengan kerjasama Skuad Bantuan Krisis MCA (CRSM) untuk disalurkan kepada golongan berpendapatan rendah.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada MFC dan CRSM menyumbangkan perabot bernilai RM207,100 kepada mangsa banjir negeri ini.

"Tentunya sumbangan ini cukup besar artinya bagi mangsa-

mangsa banjir di negeri Melaka yang terjejas khususnya mereka yang berpendapatan rendah," katanya.

Pada 18 Jan lalu Presiden MFC, Khoo Yeow Chong menyerahkan perabot berkenaan kepada Sulaiman.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang Datuk Lim Ban Hong; Exco Hubungan Masyarakat negeri, Ngwe Hee Sem dan Naib Presiden MGFC, Lee Poh Siang.

Sulaiman berkata, selain Melaka, MFC turut menyumbangkan bantuan sama keseluruhannya bernilai RM1.21 juta untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Johor.

Banjir: SWM sumbang barangan elektrik RM750,000

Faiz Hasan

SERI BENDAHARA - Syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menyumbang pelbagai peralatan elektrik bernilai RM750,000.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata sumbangan berkenaan akan diagihkan kepada 3,000 keluarga terjejas banjir di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Jelasnya, sumbangan itu adalah sebahagian inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) 'SWM

Kasih' bagi membantu meringankan beban golongan berkenaan dan seterusnya mempercepatkan proses pemulihan pasca banjir.

Beliau berkata, Melaka merupakan negeri pertama menerima sumbangan 2,500 peralatan elektrik seperti peti sejuk, kipas meja, periuk nasi dan dapur gas bernilai RM250,000 untuk diagihkan kepada 800 keluarga mangsa banjir yang memerlukan.

"Penyerahan ini adalah salah satu inisiatif CSR SWM sebagai tambahan kepada program CSR yang dijalankan dalam aspek pembersihan kediaman mangsa banjir.

"Dalam inisiatif sebelum ini, SWM menjalankan

operasi pasca banjir dengan mengerahkan jentera untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan melibatkan hampir 400 pekerja dan 200 jentera pelbagai guna," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Penyampaian Bantuan Banjir SWM Sdn Bhd di sini, 18 Jan lalu.

Pada majlis itu, Mohd Norlisam bagi pihak SWM Environment menyerahkan sumbangan berkenaan kepada Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Sulaiman Md Ali dan turut disaksikan Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SW-Corp) Melaka Khairuladha Ab Mutalib.



SULAIMAN menyempurnakan simbolik penyerahan sumbangan daripada SWM pada Majlis Penyerahan Bantuan Sumbangan Pasca Banjir di Seri bendahara.



Harga Jualan dari
~~RM370,000~~
RM280,000
 Harga Istimewa!!!



Sewa Bulanan – RM1,700+
Ansuran Bulanan – RM1,100+
Pendapatan Bulanan – RM600+

**Pinjaman 100% ,
 RM0 Downpayment**

**Percuma
 Yuran Guaman & Duti Setem**

**Percuma Internet
 (5 Tahun)
 Kelajuan - 1000 mbps**

- ✓ Kondo Mewah berlokasi di Kota Laksamana, Melaka
- ✓ Dilengkapi 40++ Kemudahan
- ✓ Hak Milik Kediaman
- ✓ Keluasan 1,069 kps
3 Bilik/2 Bilik Air



SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : TANJUNG RATNA SDN. BHD - 014 668 9209

Alamat : Tanjung Ratna Sdn Bhd Malacca, No. 24, Jln KLJ 4, Taman Kota Laksamana, 75200 Malacca

No. Lesen Pemaju:19468-2/09-2022/02776 (L)|Tempoh Sah:08/09/2021-7/09/2022|No. Permit Iklan:19468-2/09-2022/02776 (P)|Tempoh Sah:08/09/2021-07/09/2022| Pemaju beserta Alamat Lengkap dan No. Telefon: Tanjung Ratna Sdn. Bhd. Aras 18, Menara Safuan, No. 80, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. +0327818989|Jenis Pegangan Tanah: Pajak 99 tahun|Tarikh Tamat Tempoh: Mei 2117|Bebanan Tanah:Maybank|Perihal Rumah Tempat Tinggal: Kondominium|Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap:(Fasa 1)15 Ogos 2022|Harga Jualan Minimum dan Maksimum:|Jenis A:RM347,000.00 - RM391,000.00|Jenis B:RM380,000.00 - RM422,000.00|Bilangan Unit:Jenis A (23 unit)Jenis B(69 unit)|Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan:MBMB|No. RUjukan : MBMB/JKB/03040/12/2016(9).Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkusan Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA

N02 - TANJUNG BIDARA

Impian miliki rumah jadi kenyataan

Siti Salehah

TANJUNG BIDARA - "Sebelum ini kami hanya impikan sahaja untuk memiliki sebuah rumah namun kini impian itu menjadi kenyataan," luah Abu Shah Embok.

Menurut Abu Shah, 59, dia dan isteri Nursyafinaz Harun, 28, yang menetap di Kampung Pulai, di sini amat terharu apabila dimaklumkan permohonan mereka untuk memiliki rumah sendiri menerusi Projek Baiti Jannati oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) diluluskan.

Abu yang bekerja sebagai tukang kebun berkata, dengan adanya rumah baru dia sekeluarga lega dan tidak lagi rungging memikirkan tanggungan untuk membayar sewa bulanan rumah seperti sebelum ini.

"Syukur Alhamdulillah, apabila doa kami dimakbulkan, selepas sekian lama menunggu untuk mempunyai rumah sendiri akhirnya tercapai.

"Terima kasih kepada TNB dan juga wakil rakyat kami Datuk Seri Ab

FOKUS DUN

Rauf Yusoh yang banyak membantu dalam merealisasikan syurga baharu untuk kami sekeluarga ini," katanya.

Penyerahan Rumah Projek Baiti Jannati itu telah disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB Melaka Ir. Khairizam Ibrahim, 14 Jan lalu.

Sementara itu, Ab Rauf Yusoh, bagi projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) seumpamanya, hanya individu yang benar-benar layak dipilih sebagai penerima bantuan.

Menurut beliau, penerima bantuan perlu melalui proses permohonan yang agak ketat bagi memastikan mereka yang layak diberi bantuan kediaman.

"Mereka perlu melalui beberapa proses bermula daripada penduduk kampung hinggalah ke Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sebelum permohonan itu dibawa ke TNB untuk penilaian terakhir," katanya.



AB Rauf ketika acara simbolik penyerahan rumah Projek Baiti Jannati TNB Peringkat Negeri Melaka kepada Abu Shah di Kampung Pulai. Turut bersama Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB Melaka Ir. Khairizam Ibrahim. Foto Iqmal Haqim Rosman

N03 - AYER LIMAU

Pemulihan pasca banjir fokus Hameed

Salman Hamat

AYER LIMAU - Usaha membantu mangsa pasca banjir antara fokus Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Basheer.

Beliau berkata, bantuan tunai berjumlah RM2,500 juga sudah diserahkan kepada 62 keluarga yang terkesan banjir dalam majlis berlangsung di Pejabat Jawatankuasa Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Ayer Limau.

"Bagi fasa satu ini bantuan disampaikan berjumlah RM155,000 manakala penyerahan bagi fasa dua akan dilakukan dalam masa terdekat.

"Selain wang tunai pelbagai bantuan dalam pelbagai bentuk seperti kit mandian, pakaian dan barangan dapur sudah diserahkan kepada mangsa," katanya.

Hameed berkata, bantuan berkenaan dihulurkan kerajaan persekutuan dan pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).



HAMEED menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Pejabat JAPERUN Ayer Limau.

N01 - KUALA LINGGI

Rosli prihatin nasib pesakit angin ahmar



ROSLI (kiri) menyerahkan bantuan tilam kepada Salim di Kampung Guan, Kuala Sungai Baru.

Salman Hamat

KUALA LINGGI -Prihatin dengan nasib Salim Md Yasin yang menderita akibat angin ahmar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah turun padang untuk melihat sendiri kea-

daan lelaki itu.

Rosli berkata, Salim tidak boleh berjalan berikutan kakinya lemah selepas diserang angin ahmar lapan bulan lalu.

"Pada lawatan kali ini saya serahkan bantuan tilam untuk memberikan lebih keselesaan ke-

pada Salim.

"Saya juga meneliti bentuk bantuan lain seperti katil selain terus memantau keadaan kesihatan Salim," katanya Ketika menyerahkan bantuan itu di rumah Salim di Kampung Guan, Kuala Sungai Baru, di sini.

N04 - LENDU

Kaum Tionghua dekat di hati Sulaiman

LENDU - Masyarakat Tionghua di Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu, bukanlah asing bagi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.



menjelang perayaan yang akan tiba, tidak lama lagi. "Jelas terpancar kegembiraan di wajah mereka bagi merayakan sambutan tahun 'harimau' pada tahun ini.

Beliau berkata, penduduk Tionghua khususnya warga emas di Kampung Baru Lendu bagaikan begitu dekat di hatinya yang merupakan anak jati kawasan itu.

"Diharap sambutan tahun ini dapat memberi lebih kemakmuran kepada kehidupan rakyat khususnya di negeri Melaka," katanya.

Berkesempatan menyantuni masyarakat di situ baru-baru ini, Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu berpeluang menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina 2022 kepada mereka.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Pengerusi MCA Bahagian Masjid Tanah Datuk Lee Tian Sing, Pengerusi MCA Cawangan Masjid Tanah Lee Kwang Haw dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Baru Lendu.

"Sumbangan ini diberikan dalam membantu persiapan mereka



SULAIMAN menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina 2022 kepada masyarakat Tionghua di Kampung Baru Lendu.

N06 - REMBIA

Martabat pendidikan anak Rembia

REMBIA - Martabatkan pendidikan anak-anak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia menjadi antara pegangan Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia berkata, pelbagai program akan dirangka bagi memastikan aspek pendidikan anak bangsa di kawasan itu terbela.

Katanya, antara program yang telah diadakan sempena Tahun Baharu 2022 ialah Gunting Rambut Percuma Anak DUN Rembia yang diadakan di dewan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Lendu.

"Program itu merupakan anjuran JAPERUN Rembia bersama Gerakan Belia 4B Alor Gajah.

"Seramai lebih 50 anak-anak di DUN Rembia telah menyertai program yang dianjurkan kali ini.

"Program ini dirangka khusus bagi memartabatkan pendidikan anak-anak Rembia yang akan meneruskan sesi pembelajaran tahun ini," katanya dalam kenyataan di Facebook rasminya.



MUHAMMAD Jailani (dua dari kanan) menyantuni pelajar yang menyertai program Gunting Rambut Percuma Anak DUN Rembia di JAPERUN Rembia, baru-baru ini.

N05 - TABOH NANING



ZULKIFLI (kiri) ketika menyampaikan sumbangan kepada penduduk di DUN Taboh Nanning.

Ziarah Kasih erat hubungan rakyat, pemimpin

Taboh Nanning – Program Ziarah Kasih mampu menjadi jambatan untuk mengeratkan lagi hubungan antara penduduk setempat dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

ADUN Taboh Nanning Zulkiflee Mohd Zin berkata, menerusi program itu pemimpin tempatan bukan sahaja berpeluang menyantuni penduduk tempatan sebaliknya mendengar keluhan dan permasalahan dihadapi mereka.

"Kalau turun padang kerja menjadi lebih mudah, kita tahu jenis bantuan dan barangan diperlukan penduduk terutama bagi mereka yang mengalami masalah kesihatan.

"Bagi memudahkan urusan mereka kita bantu untuk isi borang kerana mereka ini ada yang kurang sihat," katanya.

Terbaru pada 19 Jan lalu Zulkiflee turun padang untuk menyampaikan sumbangan kerusi roda dan tongkat kepada penerima di Taman Sri Nanning, Kampung Melekek dan Kampung Rantau Panjang.

Terbaru pada 19 Jan lalu Zulkiflee turun padang untuk menyampaikan sumbangan kerusi roda dan tongkat kepada penerima di Taman Sri Nanning, Kampung Melekek dan Kampung Rantau Panjang.

Terbaru pada 19 Jan lalu Zulkiflee turun padang untuk menyampaikan sumbangan kerusi roda dan tongkat kepada penerima di Taman Sri Nanning, Kampung Melekek dan Kampung Rantau Panjang.

<p>MELAKA HARI INI NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316</p> <p>KETUA KANDUNGAN MOHD SALMAN HAMAT Salmanhamat@melakaharini.my</p> <p>PENGARANG MOHD FAZLUL ABDUL MAJID fazrul@melakaharini.my</p> <p>PENGARANG DIGITAL FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharini.my</p> <p>JURUFOTO KANAN AZREN JAMALUDIN m.azren86@gmail.com</p> <p>JURUFOTO IQMAL HAQIM ROSMAN</p>	<p>WARTAWAN</p> <p>MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan@melakaharini.my</p> <p>LIANA SAHABUDIN lilyann90@melakaharini.my</p> <p>FIQA JAMAL noraffiqhajamal93@gmail.com</p> <p>SITI SALEHAH AL-QADRAWI sitisalehah@melakaharini.my</p>	<p>REKABENTUK & GRAFIK</p> <p>AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharini.my</p> <p>MIMIE AZURA ABU BAKAR mimieazura1981@melakaharini.my</p>	<p>IT SUPPORT</p> <p>PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR abduljaliljamar@gmail.com</p>	<p>PEMASARAN</p> <p>PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI amz@melakaharini.my 018 - 329 9936</p>	<p>UNIT MEDIA SOSIAL</p> <p>EKSEKUTIF IZAIDA RAIHANAH IDRIS izraithanah363@gmail.com</p> <p>SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah@melakaharini.my</p>	<p>MELAKA TV</p> <p>WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAIKAL farishaikal.zakaria@melakaharini.my</p> <p>AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufalzzati98@melakaharini.my</p> <p>JURUVIDEO MOHD ZAIDI YAACOB</p> <p>PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharini.my</p>
---	---	--	---	--	--	--

N08 - MACHAP JAYA

Masjid Lesung Batu bakal dibina

MACHAP JAYA - Sebuah masjid yang dijangka mampu memuatkan 1,000 jemaah bakal dibina di Lesung Batu, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem berkata, perjumpaan antara beliau, Pegawai Daerah Alor Gajah dan perhulu juga sudah diadakan bagi mendapatkan kelulusan permohonan tanah seluas 3.2 hektar.

Katanya, pembangunan masjid itu dijangka akan direalisasikan dalam tempoh satu hingga dua tahun lagi.

"Pembangunan di sekitar Lesung Batu, semakin pesat malah banyak perumahan sudah dibangunkan, jadi penduduk beragama Islam tidak mempunyai masjid untuk menunaikan solat berjemaah terutama Solat

Jumaat.

"Mereka terpaksa ke Masjid Melaka Pindah dan surau Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah untuk solat Jumaat," katanya ketika ditemui selepas melawat warga emastertua di Alor Gajah, Soh Tee Tong yang berusia 107 tahun dekat sini.

Mengulas lanjut, beliau berkata sekiranya projek berkenaan mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri, pihaknya akan mengemukakan permohonan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bagi mendapatkan peruntukan.

"Pembinaan masjid dirancang dilengkapi kemudahan Kawasan parkir, dewan orang ramai dan tanah perkuburan itu dijangka menelan kos RM7 hingga RM8 juta," katanya.

FOKUS
DUN



PERBINCANGAN Hee Sam (tengah) bersama Pegawai Daerah Alor Gajah, Saiful Hazwa Kipli (tiga dari kanan) mengenai pembinaan masjid di Lesung Batu.

N09 - DURIAN TUNGGAL

Bina rumah pam kedua bantu pesawah

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Cadangan pembinaan rumah pam kedua di Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal, mampu mempermudah segala urusan pesawah di Kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal Zahari Abd Kalil berkata, inisiatif itu sebagai usaha menyelesaikan masalah yang membelenggu pesawah.

"Saya turun padang melihat tapak cadangan untuk membina rumah pam kedua bagi kegunaan para pesawah.

"Sebelum ini saya hadir perbincangan Khas berkaitan permasalahan pesawah DUN ini bersama Jabatan Pertanian Negeri dan Daerah, Pertubuhan Peladang Negeri dan Kawasan serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Alor Gajah.

"Saya cuba bantu mencari penyelesaian atas masalah membelenggu para pesawah kita, ketua-ketua jabatan berkaitan telah hadir dan mendengar permasalahan para pesawah," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya.

Zahari berkata, pertemuan dengan pelbagai agensi itu secara tidak langsung mempermudah segala urusan pesawah di DUN Durian Tunggal.



ZAHARI meninjau kawasan untuk membina rumah pam kedua buat pesawah di Durian Tunggal.

N07 - GADEK

Khamis hari Shanmugam bertemu masyarakat



SHANMUGAM (kanan) menjadikan Khamis sebagai hari bertemu rakyat di DUN Gadek.

GADEK - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, V P Shanmugam memilih Khamis sebagai hari bersama rakyat di kawasan Dewan Undangan Negeri itu.

Katanya, rutin pada hari tersebut beliau akan mendengar segala aduan dan masalah yang dikemukakan oleh rakyat.

Beliau berjanji akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan segala permasalahan rakyat di kawasan itu dapat diselesaikan sebaiknya.

"Segala aduan dan masalah rakyat yang telah dikemukakan, saya akan berusaha untuk menyelesaikan masalah mereka," ka-

tanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, selain mendengar aduan dan masalah, beliau turut menjadikan hari tersebut untuk menyampaikan segala sumbangan masyarakat dan sumbangan program yang dimohon oleh masyarakat di Gadek.

N14 - KLEBANG

Ban Hong cakna masalah nelayan

Mohamad Fazrul Abdul Majid



KLEBANG - Masalah membabitkan komuniti nelayan menjadi antara isu diberi perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Senator Datuk Lim Ban Hong.

Baru-baru ini beliau bersama kepimpinan Persatuan Nelayan Klebang sempat meninjau infrastruktur di Jeti Nelayan Sungai Lereh. Beliau berjanji, segala bentuk permasalahan di kawasan itu akan diambil perhatian bagi memastikan kepentingan golongan nelayan terbela.

Disamping meninjau masalah, Ban Hong turut sempat menyerahkan bantuan kit makanan kepada nelayan di sekitar Lereh.

Bantuan itu, antara lain bagi meringankan beban nelayan yang turut terkesan daripada segi mata pencarian sepanjang tempoh cuaca tidak menentu, awal tahun ini.



BAN Hong (kanan) meninjau infrastruktur nelayan di Jeti Nelayan Sungai Lereh.

N12 - PANTAI KUNDUR

Cari kata sepakat isu tambakan laut



TUMINAH (tengah) mendengar taklimat daripada Pengurus Besar Tanjung Bruas Port, Mohamad Nizam Ibrahim dan Senior Executive Port Security & Safety Department Isnin Ismail di Bilik Mesyuarat JAPERUN Pantai Kundur.

PANTAI KUNDUR - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundur, Tuminah Kadi akan berusaha mencari kata sepakat berhubung isu tambakan laut membabitkan kepentingan nelayan di kawasan itu.

Beliau berkata, beberapa sesi dialog akan diadakan khususnya membabitkan wakil nelayan dengan pihak projek pembangunan tambakan laut iaitu Tanjung Bruas Port.

Menurutnya, Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Pantai Kundur akan bertin-

dak sebagai perantara bagi kedua-dua komuniti dalam memastikan kepentingan mereka terpelihara.

"Sesi dialog itu akan diadakan untuk mencari kata sepakat, pandangan serta harapan nelayan itu sendiri yang akan terlibat secara langsung dengan projek pembangunan ini.

"Kita akan mengadakan lebih banyak perbincangan dengan pihak pengurusan Tanjung Bruas Port bersama wakil ketua penduduk dan wakil nelayan bagi memastikan isu ini dapat mencapai situasi menang-menang," katanya kepada Melaka Hari Ini.

N10 - ASAHAN

Sumbang katil untuk pesakit tumor

ASAHAN - Prihatin dengan nasib seorang pesakit Germ Cell Tumor atau ketumbuhan dalam dada, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan tampil memberikan sumbangan katil boleh laras.

Sumbangan katil itu diberikan kepada Muhammad Khairi Hasim, dari Kampung Bukit Sedanan yang kini terlantar selepas menjalani sesi kemoterapi.

Difahamkan, rawatan kemoterapi itu akan dilakukan sebanyak lima kali dalam tempoh tiga hingga empat bulan.

Sumbangan katil itu telah disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bukit Sedanan Rahmad Hasim bersama Pegawai Kebajikan JAPERUN Asahan yang mewakili ADUN Asahan, baru-baru ini.



RAHMAD (kiri) bersama Pegawai Kebajikan Japerun Asahan menyampaikan sumbangan katil kepada pesakit Tumor di Kampung Bukit Sedanan.

N15 - PENGKALAN BATU

Kak Som pupuk budaya gotong-royong

PENGKALAN BATU

Lebih 100 individu termasuk pelajar dan penduduk kampung mengerat bergotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Peringgit, 15 Jan lalu.

Walaupun, perlu berjemur dibawah terik matahari namun ia bukan pelemah semangat untuk mereka membersihkan tanah perkuburan seluas lebih dua hektar itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Nordin berkata, usaha dilakukan pihaknya itu turut dibantu beberapa agensi lain terma-

FOKUS DUN

suk Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka.

Beliau berkata, pihaknya amat besar hati apabila ia turut disertai pelajar antaranya dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Kolej Antarabangsa Sains & Teknologi Melaka (MICOST) amat membe-rangsangkan.

"Gotong-royong hari ini adalah fasa kedua dilakukan selepas yang pertama pada minggu lalu dan ramai yang hadir turut serta membersihkan tanah perkuburan ini.

"Saya terpanggil untuk membersihkan kawasan per-

kuburan ini bukan sahaja atas rasa tanggungjawab malah untuk memberikan imej dan pemandangan yang baik," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Kalsom yang juga EXCO Wanita berkata, pihaknya juga akan mencari penyelesaian segera dalam menyelesaikan isu kebersihan di kawasan Bachang yang dijadikan tempat longgokan sampah oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, beberapa pendekatan akan diambil antaranya pembersihan berskala besar iaitu gotong royong mega serta pertandingan kebersihan dan kecantikan antara cawangan di kampung itu.



KALSOM menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil agensi yang menyertai gotong royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Peringgit.

N18 - AYER MOLEK

Tunggang motosikal cari masalah penduduk

AYER MOLEK - Pendekatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman, menunggang motosikal untuk meninjau permasalahan penduduk disenangi ramai.

Setiap aduan yang diterima diambil perhatian sebelum pihaknya mengadakan perbincangan bersama pihak berkenaan untuk mencari penyelesaian.

Antara lawatan dan program yang beliau hadir ialah ziarah kasih dan penyampaian sumbangan katil kepada pesakit menghidap masalah buah pinggang serta kencing manis.

Rahmad yang kini memegang portfolio Kerja Raya juga dilihat tidak kekok untuk melakukan sendiri kerja menurap jalan di sekitar Ayer Molek.



RAHMAD (kiri) menunggang motosikal di setiap pelosok kampung untuk menyelesaikan masalah rakyat.

N13 - PAYA RUMPUT



RAIS mengambil peluang menjalani pemeriksaan kesihatan pada Program Saringan Kesihatan Percuma (PEKA) B40.

Bantu B40 terima pemeriksaan kesihatan percuma

Fiqa Jamal

PAYA RUMPUT - Bagi memupuk kesedaran berhubung kepentingan menjaga kesihatan dalam kalangan penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput, satu Program Saringan Kesihatan Percuma (PEKA) B40 dianjurkan 14 Jan lalu.

Program dengan kerjasama Poliklinik Hidayah Krubong itu berlangsung di Dewan Jawatankuasa Pem-

bangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Paya Rumput.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput Datuk Rais Yasin berkata, menerusi program itu golongan kurang berkemampuan berpeluang menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

"Diharapkan penganjuran program seperti ini, mem-bantu meningkatkan lagi kesedaran mengenai pentingnya menjaga kesihatan

dalam kalangan orang ramai.

"Saya berharap penganjuran program seumpama ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang, terima kasih Poliklinik Hidayah Krubong atas komitmen yang diberikan," katanya.

Pada program sama, Rais turut menjalani pemeriksaan kesihatan selain menyantuni golongan kurang berkemampuan yang hadir.

Hadir sama, Pegawai Perubatan Poliklinik Hidayah Krubong, Dr Abdul Hadi.

N23 - TELOK MAS



ABDUL Razak menyantuni rakyat di sekitar Kampung Alai dan Pengkalan Jajar.

Ronda-ronda tinjau masalah rakyat

FOKUS DUN

TELOK MAS - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas Datuk Abdul Razak Abdul Rahman mengambil pendekatan santai dalam mengambil berat permasalahan penduduk di kawasan itu.

Dengan hanya menunggang motosikal, beliau selesa menjadikan rutin itu untuk meninjau segala permasalahan yang dihadapi penduduk di sekitar Telok Mas.

"Ronda-ronda menaiki motor di Kampung Alai dan Pengkalan Jajar bersua muka dengan penduduk tempatan.

"Sambil-sambil meronda saya turut melihat permasalahan di kampung-kampung seperti jalan raya dan perparitan

longgang," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Razak turut cakna terhadap aspek kebersihan di Telok Mas.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah gotong-royong bersama penduduk bagi membersihkan tanah perkuburan dan balai raya di kawasan itu.

"Meluangkan masa bergotong-royong dengan penduduk kampung di Tanah Perkuburan Pernu dan Balai Raya Kg Bukit Pegoh Bukit Larang.

"Senang hati nampak bila kedua-dua tempat ini terjaga dalam keadaan bersih dan kemas," katanya.

N25 - RIM

'Keluarga Rim' pendekatan Dira bantu rakyat

Liana Sahabudin

RIM 20 Jan - Turun padang untuk menyelami permasalahan penduduk setempat, itu yang dilakukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Menurutnya, iadilakukan dalam usaha memberikan perkhid-

matan yang terbaik kepada rakyat.

Beliau, selesa menggunakan pendekatan 'keluarga Rim' Ketika turun padang untuk menyantuni penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

"Terbaru saya melawat puan A Saroja yang diserang angin ahmar di Taman Rim Baru. Dia terpaksa menggunakan kerusi

roda untuk memudahkan pergerakannya.

"Saya doakan agar puan Saroja diberikan kesembuhan dan dipermudahkan segala urusan," katanya.

ADUN yang mesra dengan panggilan Dira, itu berazam untuk terus membantu penduduk di DUN itu dengan sebaik mungkin.



KHAIDHIRAH menziarahi S Saroja (berkerusi roda) yang mengalami sakit strok.

N21 - DUYONG



HELMY (kiri) meninjau kediaman penduduk di DUN Duyong yang dilanda banjir kilat baru-baru ini.

Helmy fokus selesai isu banjir

Norizan Abdul Muhid

DUYONG - Kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur dan pembersihan Sungai Duyong perlu dilakukan dari semasa ke semasa sebagai persediaan jangka pendek menangani masalah banjir di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata, pihaknya sudah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri melakukan kerja-kerja pembersihan sungai lebih kerap.

Menurutnya, kerja-

kerja pembersihan sungai di kawasan itu terbukti berkesan dalam mengurangkan kesan banjir kepada penduduk terutama di kawasan penempatan Taman Seri Duyong.

"Memang bakal dilaksanakan Projek Tebatan Banjir (RTB) Sungai Duyong namun projek ini akan mengambil masa sedikit untuk siap, oleh itu, kita perlu lakukan sesuatu sementara mahu menunggu projek RTB ini siap nanti.

"Kita perlu pastikan tindakan jangka pendek yang diusahakan ini, jika tidak dapat atasi isu banjir, setidak-tidaknya ia mampu

mengurangkan masalah yang berlaku, kalau sebelum ini berlaku banjir besar tetapi bila kita kerap bersihkan sungai nanti, banjir tidak teruk berlaku," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Kata beliau, rutin JPS yang melakukan kerja-kerja pembersihan Sungai Duyong dua kali setahun sebelum ini tidak lagi sesuai.

Ini kerana, katanya, kerja pembersihan yang terlalu lama boleh mengundang tumbuhan liar seperti teratai memenuhi permukaan sungai sekali gus menghalang kelancaran aliran.

N27 - MERLIMAU

Hapus judi 'online' sampai ke lubang cacing

Faiz Hasan

MERLIMAU – Pendekatan perang psikologi antara strategi digunakan untuk membanteras aktiviti judi dalam talian di Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata, perang psikologi itu bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kesan buruk aktiviti perjudian.

Setakat ini pihaknya sudah mengenal pasti 10 lokasi titik panas aktiviti itu dan pemantauan berterusan dijalankan.

"Kita gantung kain rentang dan bunting tertera pesanan boleh memberikan kesedaran kepada orang ramai di lokasi strategik sekitar DUN ini.

FOKUS DUN

"Cetakan bermesej manusia tidak nampak tapi Allah nampak dan sebaik-baik rezeki adalah daripada sumber yang halal menimbulkan rasa kurang senang pihak tertentu hingga sanggup merosakkan bunting digantung.

"Saya melihat perkara ini daripada sudut positif dan percaya usahakita sudah memberikan kesan kepada mereka yang terlibat dengan kegiatan itu," katanya ketika ditemui di Pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Merlimau, 19 Jan lalu.

Menurutnya, tugas penguatkuasaan pula dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Operasi perjudian ini dikesan berjalan di premis perniagaan, kedai makan, kaki lima dan dalam kereta," katanya.



PENDEKATAN perang psikologi di ambil Dr Akmal dalam membanteras kegiatan judi dalam talian membabitkan warga Merlimau.

N28 - SUNGAI RAMBAI

Penduduk bakal dapat klinik kesihatan baharu

SUNGAI RAMBAI - Penduduk sekitar Sungai Rambai bakal menikmati kemudahan kesihatan lebih berkualiti dengan cadangan pembinaan klinik kesihatan baharu.

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Rambai, Siti Faizah Abdul Azis berkata, perancangan itu sudah lama dibangkitkan namun kerap terbantut berikutan masalah teknikal.

Berikutan itu beliau, bersama EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Mohamad Akmal Saleh dan Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah akan memohon kepada Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) untuk menyegerakan pembinaan fasiliti kesihatan baharu itu.

"Kemudahan ini amat perlu kerana klinik lama tidak lagi mampu menampung peningkatan jumlah penduduk.

"Jumlah kakitangan bertugas di klinik sedia ada juga semakin ramai, jadi cadangan ini tepat bagi memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada penduduk sekitar," katanya.

Klinik baharu dijangka dibina di tapak seluas 7.4 hektar terletak bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Rambai.



SITI Faizah (kiri) ketika meninjau tapak klinik kesihatan baharu di Sungai Rambai.

N26 - SERKAM

Dua masjid baharu dibina April depan

Fiqa Jamal

SERKAM - Kariah di Bukit Tembakau dan Serkam Darat masing-masing bakal menerima masjid baharu dijangka mula dibina April depan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan berkata, peruntukan RM3 juta untuk setiap masjid juga sudah diluluskan.

"Pada awalnya kita memohon peruntukan RM5.2 juta bagi setiap masjid, namun RM3 juta saja diluluskan, jadi peruntukan tambahan akan dimohon selepas ini.

"Kita jangkakan 'take off' atau kerja-kerja pembinaan masjid baharu di Bukit Tembakau dan Serkam Darat akan bermula April tahun ini.

"Selain itu, buat masa ini kerja-kerja penyediaan dokumen, tender dan spesifikasi terperinci bagi masjid-masjid ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya kepada Melaka Hari Ini.



DATUK Zaidi Attan (Foto: Iqmal Haqim Rosman)

Mengulas lanjut, Zaidi berkata masjid berkenaan dijangka siap dalam tempoh 18 hingga 24 bulan selepas pembinaan dimulakan.

"Berdasarkan pengalaman saya yang pernah menguruskan pembinaan

tiga masjid di Dewan Undangan Negeri ini (DUN) kemudahan baru itu dijangka siap hujung tahun hadapan.

"Namun jika ada masalah tenikal proses pembinaan boleh memakan masa hingga dua tahun," katanya.



MIMBAR MAIM

“Be na r-be na s ang a t be run tung o ra ng-o ra ng ya ng mem be ri s ih ka n di i de ng an be ri ma n dan sen ti a sa be rzi kir me ny e bu t na ma Tu ha nya se rta me ng e ja ka n se mb a hy a ng.” (Sura h Al-A’la , a ya t 14-15)

“De mi se sun g gu hnya ! Ka mi a ka n me ng u ji ka mu de ng an se di kit ke ta ku ta n, ke la pa ra n, dan ke ku ra ng an da ri ha rta be nda se rta ji wa dan ha sil ta- na ma n. Da n be ri la h kha ba r ge mb i ra ke pa da o ra ng ya ng sa ba r.” (Sura h Al-Ba q a ra h, a ya t 155)

Hindari rasuah, laksana tugas penuh integriti

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Amanah diberi menjadi pemangkin kepada pembekal yang telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan.

Tanggungjawab berkenaan bukan bermaksud satu kejayaan bagi pembekal namun menjadi tanggungjawab besar dalam mem-

beri pekhidmatan yang terbaik demi menjaga amanah yang diberi.

Kerjasama MAIM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melaksanakan program bagi meningkatkan tahap integriti bukan sahaja dalam kalangan pegawai MAIM namun terarah kepada persekitaran individu yang berkait rapat bersama MAIM.

Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim berkata menjadi kewajipan kepada semua kakitangan

MAIM dan juga pembekal khususnya anak-anak syarikat untuk terus menunjukkan sikap tanggungjawab penuh integriti dalam melaksanakan tugas.

Katanya, menjauhi amalan rasuah sentiasa dititik berat bagi memberi pemahaman yang lebih jelas berkaitan segala amalan yang berkait rapat dengan perkara yang buruk.

Tegasnya, MAIM bersama SPRM akan memastikan perjalanan tadbir



AKU Janji bebas rasuah dimeterai bersama Setiausaha MAIM, Ikram Ibrahim.



IKRAM bergambar bersama sebahagian pembekal.

urus institusi itu sentiasa mematuhi segala peraturan mahupun undang-undang yang telah ditetapkan.

"Kita mahu melihat institusi agama khususnya MAIM bersama mereka yang berkait rapat antaranya anak-anak syarikat mahupun pembekal yang dilantik untuk terus memberi pekhidmatan terbaik tanpa amalan rasuah." ujarnya ketika menyampaikan ucapan perasmian di Majlis Taklimat Kesedaran Integriti dan Anti-Rasuah kepada Anak Syarikat, Kontraktor serta Pembekal Barangan MAIM baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu,

Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri, Marhalim Muhammad.

Tambah beliau, program ini juga memberi maklumat tambahan kepada setiap pembekal tentang peri pentingnya mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam usaha memerangi gejala rasuah dan perkara negatif dengan lebih holistik.

Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) juga menjadi bukti kepada pembekal menunjukkan komitmen mereka dalam menunaikan amanah yang diberi dapat dilaksanakan tanpa dicemari dengan amalan berunsur rasuah.

SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

3 KAEDAH BERWAKAF

KAEDAH 01 MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

KAEDAH 02 MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL IWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)

KAEDAH 03 MELALUI "STANDING INSTRUCTION (SI)" MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET

Jom Berwakaf

BANK ISLAM 04015010078877 (BIMB) (Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Kling bersama jemaah yang hadir. Beliau turut menyampaikan sumbangan kit penyembur udara dan keperluan masjid kepada ahli jawatkuasa masjid berkenaan.



TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan cek kepada sebahagian wakil jawatankuasa masjid dan surau daerah Melaka Tengah bagi proses pembaikan dan kerja-kerja pembangunan.



PEGAWAI Zakat Cawangan Masjid Tanah, Mazfafil Ismail menyantuni asnaf sekitar DUN Durian Tunggal bersama ADUN kawasan berkenaan, Zahari Abdul Kalil. Turut disampaikan sumbangan kit makanan dan wang tunai bagi meringankan beban mereka meneruskan kehidupan seharian.



Kebebasan mencari harta

Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.



bagai tempat untuk bercucuk tanam dan akhiratlah tempat untuk menuainya. Allah SWT telah berfirman di dalam Surah Al-Taghabun ayat 15, yang bermaksud: “*Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah SWT jualah pahala yang besar*”. Dunia ini adalah sebagai tempat ujian daripada Allah SWT. Manusia dituntut supaya mengikut segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Islam amat menitikberatkan perhubungan sosial dan masyarakat serta ekonomi yang baik melalui pelbagai kaedah dan pendekatan kemashlahatan umat.

Harta, wang ringgit, kekayaan dan pendapatan merupakan rezeki yang Allah SWT kurniakan kepada seluruh hamba-Nya. Harta adalah pemilikan mutlak oleh Allah SWT. Manakala pemilikan sementara bagi manusia untuk menguruskannya. Tidak ada sesuatu pun yang menjadi hak milik manusia, segalanya adalah pinjaman daripada Allah SWT.

Musim penularan pandemik kini seme-

HARTA adalah suatu instrumen yang merupakan alat bagi manusia menggunakannya bertujuan untuk mendapat manfaat dalam kehidupan sebagai tuntutan syariat Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Secara amnya, harta atau ‘al-maal’ dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu benda atau instrumen yang dimiliki oleh seseorang individu atau kumpulan manusia seperti barang-barang berharga, barang perniagaan, aset tetap, pertukaran wang dan sebagainya.

Mengikut panduan Islam, dunia adalah tempat persinggahan sementara dan sebagai jambatan untuk ke akhirat. Dunia juga se-

“ Berdepan dengan situasi pandemik bukan alasan untuk kita meminta-minta bantuan dan sumbangan tanpa melakukannya sebarang usaha dari pihak diri kita sendiri. Masyarakat Islam di Malaysia juga sepatutnya bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan damai tidak seperti beberapa negara luar yang terlibat dalam peperangan. ”

mangnya merupakan dugaan sangat hebat yang perlu dihadapi oleh seluruh manusia. Diakui ramai yang terkesan dan memberi impak yang sangat membimbangkan sama ada dari aspek ekonomi, kesihatan dan tidak kurang juga yang kehilangan nyawa. Namun begitu, kita seharusnya tidak leka atau berdiam diri tanpa berusaha untuk mencari sumber rezeki yang halal. Berdepan dengan situasi pandemik bukan alasan untuk kita meminta-minta bantuan dan sumbangan tanpa melakukan sebarang usaha dari pihak diri kita sendiri. Masyarakat Islam di Malaysia juga sepatutnya bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan damai tidak seperti beberapa negara luar yang terlibat dalam peperangan.

Islam menuntut umatnya untuk bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki dan harta. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 10, yang bermaksud: “*Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah SWT, serta ingatlah akan Allah SWT banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)*”. Penegasan pada firman Allah SWT ini amat jelas menerangkan

kan kepada manusia untuk bekerja mencari rezeki yang halal demi kelangsungan hidup. Setelah kita bekerja dan memperoleh lebih harta perlulah kita kongsi kepada mereka yang memerlukan sama ada ibadah zakat, sedekah, wakaf, hibah dan sebagainya.

Justeru itu, kita sebagai insan yang beriman dan bertakwa seharusnya bertindak dengan lebih bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki dan sumber pendapatan harian. Bagi mereka yang kehilangan sumber pendapatan, boleh menjalankan pelbagai jenis perniagaan kecil-kecilan untuk meneruskan kehidupan. Dalam usaha untuk memperkenalkan sesuatu perniagaan adalah melakukan strategi pemasaran dengan menggunakan pelbagai platform hebahatan seperti media sosial, media cetak, radio, televisyen dan sebagainya. Semoga usaha dan kesungguhan dalam bebas mencari harta dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT, akan mendapat rahmat dan keberkatan di dunia mahupun di akhirat. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian : Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

TERIMA KASIH SEMUA UMAT ISLAM YANG MEMBAYAR ZAKAT

Logos include: YABUNG HAJI, NAFAS, FAZIL GROUP, TENAGA NASIONAL, SELIA group, YAYASAN MELAKA, FGV, MICTH, PENGANGKUTAN PERTAMARAN MELAKA SDN. BHD., GITA, SAMB, SELIA group, PMH, KUMPULAN SME BANK, BINA MASYHUR.

Talian Zakat: 1-300-88-0233 | Zakat Melaka | zakat.melaka | www.izakat.com

Hanya 2.5%

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

ZAKAT MELAKA
BERSIH JIWA SUCI HARTA

Talian Zakat: 1-300-88-0233 | www.izakat.com | Zakat Melaka | zakat.melaka | Zakat Melaka

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

Sumbangan banjir ke Hulu Langat

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bilik Gerakan Musa'adah Pasca Banjir telah melaksanakan program ke negeri Selangor khususnya kawasan Hulu Langat dan Puchong.

Inisiatif berkenaan di ambil bertujuan membantu mereka yang terkesan dengan bencana banjir di negeri berkenaan yang mana sebahagian besar mereka telah kehilangan harta benda.

Sumbangan berkenaan memberi tumpuan beberapa kawasan masih terjejas yang memerlukan bantuan barang makanan asas dan beberapa peralatan asas seperti peralatan elektrik serta tilam toto.

MAIM melalui Bilik Gerakan Musa'adah dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka dan QSR Brand tidak melepaskan peluang dengan menyalurkan sumbangan kit makanan dan beberapa peralatan elektrik untuk kegunaan mangsa banjir.

Sumbangan wang tunai turut disertakan bersama bagi meringankan beban mereka yang masih lagi trauma dengan kejadian banjir besar yang melanda.

Sumbangan yang diberi telah diserahkan kepada mangsa banjir secara terus bagi mengelakkan berlaku timbunan dan ketidak celaruan dalam pengagihan sumbangan tersebut.

MAIM akan terus memastikan bantuan seperti ini terus dilaksanakan dalam usaha untuk membantu mereka yang terkesan bukan sahaja akibat musibah banjir namun turut tertumpu kepada mereka yang terkesan berikutan bencana alam yang lain.

Sebagai rekod MAIM telah menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir sekitar Melaka dan juga beberapa kawasan terjejas di dalam kawasan Parlimen Jelebu, Negeri Sembilan.



KETUA Unit BSAT MAIM, Haziq Abdullah Thani menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa banjir.



ANTARA barangan keperluan yang disumbangkan kepada mangsa banjir.



TINJAUAN ke tapak cadangan surau baharu Kampung Parit Sialang, Mukim Sebatu bersama Penolong Setiausaha Seksyen Wakaf, Joriza Jahari. Tapak tersebut merupakan tanah yang telah diwakafkan di atas lot 777 bagi membina surau baharu yang lebih besar dan selesa untuk kegunaan anak kariah berkenaan.



**LAPORKAN KEPADA MAIM
MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN**

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka **Facebook** | facebook/maimmelaka



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"

Ucapan Amanat Tahun Baharu 2022 oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (Bah. 2 dan akhir)

SEJAK beralih ke fasa 4 pada 11 Oktober lalu, sektor pelancongan di Melaka terus menunjukkan perkembangan positif di mana, dari Januari hingga November 2021, Negeri menerima kehadiran seramai 1.303 juta pelancong dari dalam dan luar Negeri Melaka.

Misalnya, kehadiran pengunjung ke muzium di bawah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) meningkat hampir 80 peratus. Manakala Zoo Melaka pula mencatat 10,000 pengunjung dalam tempoh 16 hari, selepas ia dibuka semula kepada orang ramai.

Antara inisiatif yang telah dijalankan Kerajaan, melalui Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) adalah kempen Melaka Safe Haven & Relaks@Melaka dan Kempen Promosi Melakan Visit Melaka 3.0.

Terkini, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) melancarkan pakej Everlasting Love Boat pada 12 Disember lalu, bagi memberi peluang kepada pasangan suami isteri untuk menyambut hari-hari istimewa.

Satu lagi tarikan baharu akan diperkenalkan, yang dikenali 'Bot Loncat-Loncat', (bukan yang 'melompat-lompat' ya), berfungsi sebagai perkhidmatan seakan 'teksi air', bakal memberikan kemudahan kepada pengunjung untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi lain, sejauh 10 kilometer dalam jajaran Sungai Melaka.

Di bawah sub sektor pelancongan kesihatan pula, Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka akan menjadi hospital pertama di Asia melaksanakan kaedah pembedahan menggunakan teknologi robotik bermula pertengahan tahun 2022.

Teknologi robotik ini merupakan batu loncatan untuk menjadikan PSH Melaka lebih dikenali, selain membawa lebih ramai pelawat ke Melaka, bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutamanya selepas pandemik ini atau semasa endemik.

Saya percaya, InsyaAllah, perkembangan pesat sektor pelancongan ini, akan membawailimpahan manfaat bukan sahaja kepada pengusaha hotel dan produk pelancongan, bahkan kepada penarik beca, penjual kraf tangan, pemandu teksi, pengusaha restoran ataupun peniaga warung, bakal menerima pulangan luyaman, hasil daripada usaha Kerajaan Negeri ini.

Semestinya, kita hargai usaha PERZIM, BPP, PSH dan agensi berkaitan pelancongan Melaka, seraya kita beri tepukan tahniah buat mereka semua!

Menyentuh tentang game changer pula, bagi mengembalikan semula kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa tersohor dan tersibuk di dunia, Perbadanan Melaka Water Front Economic Zone (MWEZ) telah ditubuhkan, melalui kelulusan Dewan Undangan Negeri Melaka pada September 2021.

MWEZ bertindak sebagai penyelaras kepada projek-projek pembangunan di kawasan tambak laut. Blueprint MWEZ telah dirancang untuk menjadi rujukan agar pembangunan di kawasan tersebut dapat dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh.

Hakikatnya, pembangunan tambak laut menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan Negeri. Sebanyak RM100 juta telah berjaya dikutip iaitu 21.86 peratus, daripada keseluruhan hasil Kerajaan Melaka pada tahun 2021.

Jumlah ini dapat menampung kekurangan hasil Kerajaan Negeri akibat pandemik COVID-19. Tahun ini, Kerajaan Melaka akan berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan MWEZ sebagai sebuah projek nasional dan kelulusan pengwujudan sebuah kawasan bebas cukai di kawasan ini.

Kita bersyukur kerana, Melaka masih menjadi destinasi pelaburan pilihan para pelabur. Dalam tempoh Januari hingga September 2021 sahaja, laporan daripada Malaysian Investment Development Authority (MIDA) menunjukkan, sebanyak 111 projek telah diluluskan, dengan 3,110 peluang pekerjaan, melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM4.822 bilion, di mana RM3.4 bilion adalah pelaburan asing, manakala RM1.422 bilion adalah pelaburan tempatan.

Pelaburan ini adalah lebih tinggi, berbanding yang direkodkan dalam laporan MIDA untuk tahun 2019 dan 2020. Iaitu masing-masing sebanyak RM2.205 bilion dan RM3.316 bilion.

Di sudut lain, dalam mengejar kemajuan, kita sesekali takkan lupa akan pengorbanan wira frontliners kita, Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh, anggota Bomba yang lemas ketika cuba menyelamatkan mangsa banjir di Kampung Sungai Putat, tahun lepas.

Balu Allahyarham ada bersama kita di Auditorium ini. Terima kasih puan, terima kasih kerana sudi hadir, lalu marilah kita beri tepuk penghormatan kepada Puan Noraidah bt Che Nor!

Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah memperolehi kutipan hasil negeri yang merangkumi kutipan hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan sebanyak RM457.5 juta berbanding sasaran RM445.96 juta, iaitu melebihi sasaran 100 peratus.

Tambahan, kita juga berjaya meningkatkan rizab negeri, berbanding RM960 ribu pada tahun 2020, kepada sebanyak RM15.970 juta.

Selayaknya, penghormatan juga kita berikan kepada agensi pemungut hasil yang bekerja keras terutamanya, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Tanah dan Galian dan ketiga-tiga Pejabat Daerah dan Tanah.

Sekalung syabas kami ucapkan!

Begitu juga semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di bawah inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: SEJAH TERA BERSAMA, dengan 60 inisiatif berjumlah RM174.53 juta, sebanyak 40 touch points berjaya dilaksanakan antaranya, pengurangan 50 peratus bayaran sewa gerai dan ruang niaga di kawasan pentadbiran PBT, Potongan 50 peratus Lesen Penjaja dan Peniaga Kecil serta pengecualian caj perkhidmatan cukai taksiran.

Pada 2022, seramai 295,384 pemegang cukai taksiran di semua PBT Melaka boleh berasa lega dengan pengurangan 10 peratus cukai taksiran dengan implikasi kewangan berjumlah RM23.06 juta.

Laginya, inisiatif Melaka Bebas Niaga akan diteruskan dengan mewujudkan zon kawasan perniagaan lebih terancang yang dilengkapi dengan infrastruktur asas, selain ditingkatkan kebersihan, keindahan dan keceriaan di kawasan tumpuan awam.

Selanjutnya, pengurusan tanah turut mencatatkan prestasi 100 peratus pencapaian bagi 2021, berbanding 99.83 peratus pada 2020.

Ia merangkumi urusan pendaftaran pindahmilik tanah dalam tempoh satu hari, permohonan kebenaran pindahmilik, mencagar dan memajak, proses permohonan pembangunan tanah bagi pertimbangan mesyuarat jawatankuasa pecah sempadan dan belah bahagi serta bilangan permohonan kebenaran pindahmilik hartanah oleh warganegara asing/syarikat asing di Negeri Melaka yang diproses dalam tempoh tiga bulan.

Meskipun SOP semakin ketat akibat COVID-19, namun kecekapan pelaksanaan tetap dipertingkatkan, terutamanya dalam aspek perkhidmatan kepada pelanggan atau rakyat, baik di kaunter mahupun secara maya.

Di Melaka contohnya, sebanyak 307 perkhidmatan telah diwujudkan secara atas talian atau End-to-End (E2E) service dan pada 2021, sasaran 5 perkhidmatan E2E baharu telah pun dapat dicapai.

Antara perkhidmatan baharu diwujudkan adalah penyediaan Platform Pembayaran Online Kerajaan Melaka, Semakan Status Makluman Pembayaran kepada Pembekal dan Pengurusan Aduan serta Maklum balas Jabatan.

Malah, pada 2021, sebanyak 2 siri hari bertemu pelanggan secara maya, dikenali sebagai, e-Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Melaka, melibatkan penyertaan lebih 10 jabatan/agensi seperti pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan, Majlis Agama Islam dan sebagainya.

Ia satu inisiatif penambahbaikan perkhidmatan, bertujuan memberi peluang kepada pelanggan untuk berinteraksi secara maya, bagi menyalurkan aduan, pertanyaan dan cadangan kepada jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Melaka, yang dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Setakat permulaan, sebanyak 100 perkongsian, 50 komen dan hampir 500 orang yang telah menonton hari langsung e-Hari Bertemu Pelanggan, berkonsepkan hari terbuka, di samping 20 maklumbalas orang awam telah diperolehi dalam memberi cadangan penambahbaikan pada hari langsung tersebut.

Kepada semua Jabatan dan agensi terlibat bertungkus lumus dalam menjayakannya, terima kasih dan tahniah diucapkan!

Di sudut pengiktirafan, kita berbangga apabila kesemua empat (4) PBT telah menge-

kalkan pencapaiannya apabila diumumkan sebagai Bandar Mampan di Malaysia bagi 2021.

Seterusnya lagi, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah memenangi Anugerah Khas Warisan dan dinobatkan sebagai Johan Anugerah Khas Jean Paul L'allier Prize for Heritage.

Di mana, MBMB berjaya menewaskan 11 bandar warisan lain di dunia, yang diadakan secara dwi-tahunan oleh Pertubuhan Bandar Warisan Dunia atau OWHC, berpangkalan di Quebec, Canada.

Manakala, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) pula, telah menjuarai anugerah Integriti dan Antirasuah 2021 bagi kategori Agensi Awam Negeri sempena Kolokium Integriti dan Antirasuah 2021.

Setanjung syabas kepada kesemua 4 PBT dan JAIM!

Kenyataannya, banyak lagi yang ingin saya kongsi pada kali ini. Saya faham, hari ini bukannya waktu untuk membentangkan scorecard, tetapi, lebih kepada menyampaikan amanat tahun baharu.

Menjengah ke hadapan, demi Kecekapan Pelaksanaan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, supaya momentum pecutannya di tahun 2022 ini lebih inklusif, mempunyai nilai, kreatif lagi inovatif, saya menyarankan 5 Kecekapan Pelaksanaan, yang perlu dijadikan asas dalam merealisasikan segala perancangan, inisiatif dan tugas.

Pertama; memahami konsep 'Government of The Day'. Pada hemat dan sudut pandang saya bahawa;

"para penjawat awam perlu komited dan berdedikasi dalam menjalankan amanah serta tanggungjawab dengan penuh profesional dan semangat kebersamaan, untuk berkhidmat serta memberi 'Wala' kepada 'Government of The Day', sebagai jentera Kerajaan, sentiasa sedaya upaya mendokong dan menyokong serta melaksanakan semua dasar dan agenda pembangunan yang telah diputuskan oleh Kerajaan, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat Negeri Melaka, selain mendukung konsep 'neutrality' dan 'government of the day' berlandaskan 'rule of law'".

Kedua; memfokus tumpuan, semasa memuktamadkan pelan tindakan jabatan dan agensi untuk tahun 2022 kepada konsep 'Keluarga Malaysia', yang selari dengan kerangka halatuju MELAKA RUMAHKU, bersifat inklusif dengan dilingkari kecemerlangan duniawi dan ukhrawi, dalam mengajak semua rakyat berbilang bangsa di negeri dan negara ini, bersama-sama ke arah membina sebuah Keluarga Malaysia yang utuh, penyayang serta berbudi pekerti mulia.

Selain itu, tumpuan juga kepada elemen Industri 4.0 (IR 4.0) dan memperkasakan pangkalan data, menerusi Data Raya (Big Data) dan komunikasi antara agensi, memperkembangkan diri dengan teknologi Internet of Things atau IoT, ke arah kemajuan Melaka yang lebih dinamik dan berinovasi sebagai sebuah destinasi pelaburan berkonsepkan bioteknologi, agro-industri, industri maritim, memperluaskan inisiatif pintar dan industri digital dalam memenuhi jangkaan rakyat yang semakin tinggi.

Ketiga; merealisasikan segala pelan dan inisiatif jangka pendek serta jangka panjang sebagai garis panduan dan ditambah baik dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan seperti, Indikator SDG, PSMJ 2035, Smart City, Pelan Pembangunan Data Raya (PPDR 2035) dan TS35, demi kemakmuran Melaka.

Segala perancangan program dalam dokumen PSMJ 2035 hendaklah dipantau secara teliti dan telus melalui sistem Melaka Laksana serta membuat semakan pencapaian setahun PSMJ 2035, untuk memastikan sasaran KPI dapat dicapai seperti ditetapkan.

Keempat; Fokus tumpuan kepada kecekapan pelaksanaan Manifesto 5 tahun, "Kestabilan Demi Kemakmuran", yang mempunyai 1 Matlamat, 5 Teras dan 103 inisiatif. Paling penting, Manifesto mesti ditepati dan ditunaikan segala janji.

Sebahagian kandungan Manifesto tersebut telah mula dilaksanakan melalui Bajet 2022 Negeri Melaka yang bertemakan "STABIL MELAKA, MAKMUR BERSAMA" dengan 3 Fokus Utama, 10 strategi dan 36 inisiatif, selain mengemaskini perancangan pembangunan PSMJ 2035 supaya selari dengan Manifesto tersebut.

Seterusnya, semua ketua jabatan hendaklah menjadikannya sebagai panduan dalam merangka pelan tindakan dan KPI masing-masing. Perbincangan terperinci

mengenainya adalah semasa Seminar Hala Tuju Pembangunan Negeri Melaka yang akan diadakan pada minggu ketiga Januari ini nanti.

Berkait hal Manifesto juga misalnya, kita sudah mula menepatinya menerusi Bajet Negeri 2022, di mana peruntukan RM100 ribu setahun, diberikan untuk setiap ADUN Bukan Kerajaan berjumlah RM700 ribu.

Peruntukan kepada ADUN Bukan Kerajaan tetap diberikan kerana saya beranggapan bahawa saya adalah Ketua Menteri kepada semua rakyat Melaka dan sebagai Kerajaan Negeri, kami bertanggungjawab untuk memberi keadilan sewajarnya kepada sesapa sahaja yang layak dibantu dan berkeperluan.

Kelima; Fokus tumpuan juga kepada kebajikan rakyat Melaka seluruhnya. Dalam hal ini, para penjawat awam perlu memastikan bahawa segala inisiatif kepada rakyat, hendaklah disampaikan dengan kadar pantas, lancar, sistematik dan berkesan.

Contohnya, kita teruskan inisiatif Dana Kasih Niaga kepada 1,000 usahawan dan peniaga, dengan peruntukan sebanyak RM1 juta sebagai insentif dan bantuan modal untuk usahawan atau peniaga, selain menyediakan latihan dan bantuan untuk memulakan urusiaga e-hailing dan meneruskan Melaka Easy Shop sebagai platform dalam talian untuk memasarkan makanan, kraftangan serta produk secara percuma dengan implikasi kewangan berjumlah RM100 ribu.

Di samping itu, Kerajaan telah mengemukakan bantuan kepada para nelayan seperti mewujudkan insentif sara hidup nelayan / petani / penternak dengan harapan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup, sekaligus dapat menyerap bahang kenaikan kos sara hidup.

Misalnya, melalui pemberian insentif sara hidup secara one-off bernilai RM1 ribu seorang kepada 1,176 orang nelayan berdaftar melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM1.18 juta.

Atas semuanya itu tadi saudara dan saudari, jika kita perasan, tugas kecekapan pelaksanaan supaya impaknya sampai kepada golongan sasar iaitu rakyat, selain daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, di belakang tabirnya yang menjadi tulang belakang kita, adalah para penjawat awam, termasuk frontliners, pasukan kesihatan dan team keselamatan, yang selama ini telah membantu Kerajaan.

Oleh demikian, marilah kita saling hormat menghormati, dengan memberikan setinggi terima kasih, seraya tepukan bergemuruh kepada semua penjawat awam baik di dalam dewan mahupun secara maya!

Apa hebat Negeri kita, Bumi Bersejarah Menggami Dunia, Penjawat Awam Benteng Melaka, Sahabat berkhidmat penuh setia.

Lantas itu,... atas mandat besar ini, ayuhlah terus bekerja bersama saya dan Kerajaan... kita perkasakan, "KECEKAPAN PELAKSANAAN... DEMI KEMAKMURAN RAKYAT DAN NEGERI MELAKA", atastagline... GET IT DONE,... BAGI JADI,... KASI JADI!!

Akhirul kalam, pada waktu dhuha ini, saya mengajak semua, untuk kita munajat lalu sama-sama menadah tangan berdoa kepada Allah SWT;

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Atas berkat waktu Dhuha ini, Kami pohon keberkatan, merayu dipermudah segala urusan kami, Jika rezeki kami masih di langit, maka Kau turunkanlah, Jika ia di bumi, maka Kau keluarkanlah, Jika masih jauh dan sukar, maka Kau dekatkan dan permudahkanlah,

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, Satukanlah hati-hati kami sekalian, Dalam nikmat sabar, tekun berusaha atas landasan iman, Agar kami dapat bekerja seproduktif, meningkatkan kecekapan pelaksanaan, sekaligus kecemerlangan dalam perkhidmatan, Ya Allah, Ya Qawiyu, Ya Matin, Jauhilah kami daripada bala bencana, Segala wabak, musibah kesulitan walima sengketa, Ya Allah, Ya Zal-Jalali Wal Ikram, Limpahkan kepada rakyat dan Negeri kami, keberkatan, kemakmuran dan sejahtera berkekalan, Sebagaimana Yang Engkau telah limpahkan,... Kepada hamba-hamba-Mu yang soleh.

Perkenankan doa kami Ya Allah, Kau Perkenankanlah! Amin Ya Rabbal A'lamin.

Dengan lafaz, Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Majlis Amanat Tahun Baharu 2022, sekaligus Melancarkan "Buku Mewajah Melaka Menggami Dunia". Sekian, terima kasih.



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SAINS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SAINS: (NUTRISI DAN TEKNOLOGI MAKANAN)

BAHAGIAN A

- Antara berikut, yang manakah merupakan masalah kesihatan akibat malnutrisi?
 - Riket
 - Goiter
 - Skurvi
 - Sifilis
- Antara pernyataan berikut, yang manakah menerangkan masalah kesihatan Anoreksia nervosa?
 - Mengambil makanan tinggi kandungan garam untuk jangka masa yang Panjang.
 - Pemendapan kolesterol pada dinding arteri.
 - Keengganan seseorang individu untuk makan kerana terlalu risau akan kenaikan berat badan.
 - Mengambil makanan yang tinggi nilai kalorinya secara berlebihan untuk jangka masa yang panjang.
- Berikut adalah kesan dari masalah kesihatan Anoreksia nervosa.
 - Meningkatkan risiko menghidap penyakit seperti diabetes melitus, arteriosclerosis dan tekanan darah tinggi.
 - Menghidap masalah kesihatan seperti malnutrisi dan boleh membawa maut.
 - Meningkatkan risiko penyakit jantung dan strok.
 - Menjejaskan penglihatan, kesihatan ginjal dan sistem saraf.
- Antara berikut, yang manakah merupakan kesan makanan segera dan makanan rapu mengandungi pewarna dan pemanis tiruan?
 - Kanser
 - Kemandulan
 - Diabetes melitus
 - Kerosakan hati dan ginjal
 - I, II dan III
 - I, II dan IV
 - I, III dan IV
 - I, II, III dan IV

- Berikut adalah unsur Makronutrien yang diperlukan oleh tumbuhan.

- Nitrogen
 - Magnesium
 - Fosforus
 - Kalium
- I, II dan III
 - I, II dan IV
 - I, III dan IV
 - I, II, III dan IV

- Berikut merupakan fungsi bagi Nitrogen yang diperlukan oleh tumbuhan.

- Mensintesis protein, klorofil, enzim dan asid nukleik
- Membantu pertumbuhan dahan dan daun
- Meningkatkan pengeluaran buah dan biji benih
- Membina selulosa

- I, II dan III
- I, II dan IV
- I, III dan IV
- I, II, III dan IV

- Rajah 1 merupakan tumbuhan yang tidak sihat. Unsur apakah yang kurang bagi tumbuhan tersebut?



Rajah 1

- Nitrogen
- Fosforus
- Kalium
- Magnesium

- Berikut adalah proses penambahan ion nitrat ke dalam tanah dalam Kitar Nitrogen.

- Tindakan kilat dan letusan gunung berapi
- Proses pengikatan nitrogen
- Proses penitritan
- Proses melarut resap nitrat (nitrate leaching)

- I, II dan III
- I, II dan IV
- I, III dan IV
- I, II, III dan IV

- Berikut adalah langkah-langkah yang diambil dalam teknologi pengeluaran makanan

- Meningkatkan kualiti makanan
- Meningkatkan kuantiti pengeluaran makanan
- Menghasilkan dan menggunakan baka yang bermutu
- Menggunakan pelbagai jenis teknologi moden

- I, II dan III
- I, II dan IV
- I, III dan IV
- I, II, III dan IV

- Rajah 2 menunjukkan kaedah teknologi pemprosesan makanan. Apakah julat suhu bagi kaedah ini?



Rajah 2

- 0°C hingga -18 °C
- 18 ° hingga -24°C
- 24°C hingga 35°C
- 4°C hingga -18°C

BAHAGIAN B

- Rajah 3 menunjukkan kesan kekurangan salah satu unsur (mineral) makronutrien terhadap pertumbuhan tumbuhan.



Rajah 3

- Apakah unsur (mineral) makronutrien yang kurang pada tumbuhan tersebut?
- Nyatakan kesan kekurangan unsur (mineral) makronutrien tersebut terhadap tumbuhan tersebut.

- Rajah 4 menunjukkan salah satu kaedah teknologi pemprosesan makanan.



Rajah 4

- Namakan kaedah tersebut.
- Persamaan kimia bagi proses ini.

JAWAPAN

BAHAGIAN A

- D 2.C 3. B 4. D 5. D 6. A 7. A 8. A 9. D 10. D

BAHAGIAN B

- Kalium
 - pertumbuhan tumbuhan tersebut terbantut; mati sebelum matang
 - batang tumbuhan lemah
 - daun di bahagian atas bertompok perang, hujung bergulung dan klorosis
 - daun di bahagian bawah layu dengan tisu mati di tepi daun
 - penghasilan bunga berkurangan dan penghasilan buah terhenti
 - pertumbuhan akar berkurangan

- Penapaian
 - $$\text{Glukosa} \xrightarrow{\text{Yis}} \text{Etanol} + \text{Karbon dioksida}$$

Stories from the Verandas: Another History of the *Tanah Air* in *The Genealogy of Kings*



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

WHEN *The Genealogy of Kings: Sulalat al-Salatin* by Tun Seri Lanang was released by Penguin (Penguin Random House SEA) in 2020, I would imagine it would create a new aesthetics and imagination on Malay history and society. Often erroneously translated as the *Malay Annals*, the narrative is central to the history of the Malay Archipelago. Translated by Sasterawan Negara Professor Emeritus Muhammad Haji Salleh, the *hikayat* was written on behest of the Raja di Hilir, literally, Lord of the Upper Reaches.

The Raja di Hilir had requested the Vizier (*bendahara*/ high ranking official/ minister) "to inscribe for us a genealogy of all the Malay kings and their customs, together with all the ceremonies of the palace, so that they may be

“ The *Sejarah Melayu* brings the personae of the *Tanah Air*. The embeddedness of *budi* enables us to narrate truth, define justice, and embody *adab*. ”

made known and observed by all our descendants who come after us and from them derive some benefit.”

I was first engaged in the world of the Malay *hikayat* through *Sejarah Melayu* at Penang Free School in the mid 1970s. It was taught as a piece of literature of incredible tales. We consumed it as moderns, segregating fact from fiction, perhaps too fictionalizing what was factual. We regarded it as myth and imagination within the spatiotemporal world of the Malays; subconsciously confining the identity to the Malay Peninsular. In a way, the *Sejarah Melayu* is generally seen as providing us with the geography of the divine and the miraculous, of a time before reason, rationality, and the invention of factuality.

In its widest meaning, the *Sejarah Melayu* is 'literary.' Muhammad Haji Salleh in his introduction makes a pertinent remark in how the Malays conceive of what we understand as history. History was not measured through written notes and documents. Instead, the sophisticated instruments of oral expression and its musical qualities are celebrated, he explains. Since time immemorial, the leitmotif of orality and aurality dominates the Malay narrative of the past; and with social media, we see this in the present. Modern documents, so called 'empirical facts' are only important only as part of the narration of happenings and their interpretations. Truth, therefore according to Muhammad "may not only be sought in the written pages, but also in the words spoken by the bards and singers."

The Genealogy of Kings challenges the Rankean notion of history, that the writing of the past be based on empirical evidence. The Rankean school rejects the moral and ideological contexts. It collapses the relativism in *Sejarah Melayu* where (historical) time is measured against the wide flow of events of birth, death, reigns and abdications of the various rulers. These were used as time markers. We can only estimate the years and the decades from our location in modernity.

But we can be certain that the *Sejarah Melayu* was read by the rulers of the many kingdoms in the Malay Archipelago for some centuries, and transmitted orally to the larger part of Malay society. Before the printing press, print, mass production and reproduction, the Malay Archipelago was the world of the *hikayat*. The *Sejarah Melayu*, and what we moderns conceive of literature and all its forms, which includes the *mantera* (incantations), *pantuns*, *gurindams* and *syair* (proverbs, poems, verse narratives) were consumed in ways not much different in our use of new media technologies and the social media.


If the geography of the divine pervades then, now it is the virtual, creating many roads to the past. Then, there was only one past, and that past was 'instructive', didactic. The *Sejarah Melayu* is still that definitive past, as integral to that pool of knowledge and wisdom of the *penglipurlara* (storytellers, bards). The oral performances, most popular and entertaining, were a source of teaching, and easily available like the touch on the screen. The stories reflected the range of experience of the Malays themselves. Muhammad refers to the availability (and accessibility) of the stories in that they "were told on the verandas, and in the out rooms of village houses, under the trees of the yard." The stories were told to the children to whom these "later became the reference points in their lives."

If history was written for the benefit of the audience, then clearly the *Sejarah Melayu* was arranged to be a didactic collection of episodes. The *hikayat* sets out to teach by example and commentary, directly or tangentially. We see this in the unjust King of Singapura, who sentenced to death his wife a senior minister's daughters after accusing her of adultery, without due investigation. As an act of rebellion, the minister opened the gates of the city to his Javanese enemies, resulting in its sacking, and his exile. Another example given can be seen in the last episodes of *Sejarah Melayu*, which parallel those of Singapura, where favouritism, negligence and injustice brought about divisions among the Melakans – and as they say, the rest is history.

The *Sejarah Melayu* or *The Genealogy of Kings* is perennial in its relevance. It speaks to the Malay collective – the different phases, successes, crisis and failures. The themes resonate present realities and identities. The *hikayat* evokes ideals and philosophy of government and governance, responsibilities and rights of rulers and subjects. It is the ever-present past. The *Sejarah Melayu* brings the personae of the *Tanah Air*. The embeddedness of *budi* enables us to narrate truth, define justice, and embody *adab*.

**NEXT WEEK:
Malay editorial cartoons**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IUUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



THE *Genealogy of Kings: Sulalat al-Salatin* by Tun Seri Lanang

Asam pedas Melaka masih berpatutan

Norizan Muhid

BANDA HILIR - Orang ramai khususnya pelancong yang datang berkunjung ke negeri ini tetap berpuas hati dengan harga masakan asam pedas di restoran atau kedai makan di kawasan tumpuan awam.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) di beberapa lokasi tumpuan pelancong mendapati restoran masakan asam pedas masih dipenuhi pelanggan meskipun di-

dakwa berlaku kenaikan harga makanan ikonik itu baru-baru ini.

Hasil tinjauan mendapati harga bagi hidangan set asam pedas ikan kembung dan pari saiz sederhana dijual pada harga biasa RM10 manakala set asam pedas jena-hak RM18 berbanding RM15 sebelum ini.

Seorang pelanggan, Harris Watan berkata, dia baharu sahaja mengunjungi kedai asam pedas yang agak popular dan berpuas hati dengan harga hidangan yang dijual di situ.

Harris yang bercuti ke Melaka bersama keluarga menjangkakan harga asam pedas

akan lebih mahal disebabkan berlaku kenaikan harga bahan mentah.

"Memang kalau datang ke Melaka, saya akan ke kedai asam pedas dan sudah maklum dengan harganya.

"Tetapi saya dapati peniaga tidak menaikkan harga asam pedas, hanya asam pedas jena-hak naik RM2 namun pada saya, harganya tetap berpatutan kerana saiz ikan agak besar.

"Tidak mengalah naik harga berapa pun, janji sedap, lagi-pun mereka berniaga mestilah keuntungan dicari," katanya yang juga seorang peniaga barangan atas talian.

Sementara itu, seorang lagi penggemar asam pedas Melaka, Bakrim Daus, 30, memahami kenaikan harga sesetengah makanan adalah disebabkan peniaga tiada pilihan ekoran bahan mentah mahal.

Katanya, terpujang kepada kebijaksanaan orang ramai untuk membuat pilihan sama ada memilih restoran asam pedas yang menjual masakan itu pada harga yang lebih murah ataupun yang sedikit mahal namun rasanya sedap.



MASAKAN asam pedas di Melaka masih berpatutan menurut pelancong yang datang ke Melaka. (Gambar hiasan)

"Saya sendiri tiada masalah nak bayar setakat kenaikan beberapa ringgit, janji masakan sedap.

"Sebelum ini pun, harga asam pedas

ikan kembung sekitar RM6 hingga RM8 tetapi sekarang sudah RM10, jadi kalau naik RM12 tiada masalah, janji sedap dan isi ikan pun banyak," katanya.

Dilema peniaga sayur...

Faiz Hasan

PENKALAN BATU - "Kadang-kadang rasa tak nak berniaga pun ada sebab melayan kerena pelanggan yang kata kita ambil kesempatan bila harga sayur naik," kata Roslan

Hassan, Ketika berkongsi dilema peniaga sayur di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Katanya, harga tinggi ditetapkan pemborong dan petani menyebabkan jumlah keuntungan peniaga merudum malah merisaukan

tidak pulang modal.

"Kita beli harga terlampau tinggi meningkat dua kali ganda, ada masanya kita tidak ada gaji. Nak untung RM100 sehari pun susah.

"Kalau harga bekalan sayur ditawarkan

terlalu tinggi kita tak jual. Kalau jual pelanggan merungut dan tidak percaya hinggakan mereka kata kita ambil kesempatan.

"Kenaikan harga sayur menyebabkan saya terpaksa memendekkan waktu operasi dari 4.30 kepada 11 pagi berbanding 1 tengah hari sebelum ini, bagi menjimatkan kos saya terpaksa buang beberapa pekerja," katanya.

Meskipun harga sayur-sayuran seperti, tomato, cili dan jenis berdaun mula menurun, tinjauan Melaka Hari Ini mendapati suasana di pasar berkenaan masih lengang.

Kenaikan harga sayur sejak dua bulan lalu itu turut diakui beberapa peniaga lain yang mendakwa ia berpunca daripada faktor cuaca.

Seorang lagi peniaga Kalsom Kasim berkata, kenaikan kos baja dan benih daripada pembekal turut mempengaruhi harga sayur.

"Rugi lebih kerap berbanding untung, kadang-kadang sayur tidak habis dijual kerana pelanggan tak mahu beli.

"Contoh tomato termasuk dibawah harga kawalan RM5.50 satu kilogram (kg), harga kita dapat daripada pemborong pun sama, memang tak ada untung.

"Kalau beli sayur dalam kotak pula banyak yang rosak, paling kurang dalam setengah hingga satu kg terpaksa dibuang," katanya.

Kalsom, berharap pihak berkenaan mengambil inisiatif tertentu bagi memastikan dilema tahunan peniaga dapat diatasi pada masa akan datang.



KALSOM

ROSLAN mengenangkan nasib peniaga sayur yang dibebani pelbagai cabaran sejak akhir-akhir ini.



DR. Shankar Gunarasa



SEBELUM ini saya telah menulis mengenai sakit di ulu hati dan penyebabnya. Kebiasaannya masalah gastrik sering dikaitkan dengan sakit di ulu hati. Tetapi tahukah anda keradangan pankreas boleh juga menyebabkan sakit di ulu hati.

Untuk mengetahui keradangan pankreas, anda perlu tahu apakah itu organ pankreas, di mana letaknya dan yang paling mustahak fungsi pankreas itu sendiri.

Bagi memastikan fungsi pankreas anda sentiasa berada pada tahap yang optimum, anda perlu memfokuskan kepada makanan yang kaya dengan protein, rendah lemak dan mengandungi antioksidan.

Makanan seperti daging bebas lemak, kekacang, sup dan alternatif kepada produk tenusu seperti susu kacang badam boleh meringankan beban pankreas anda. Bayam, beri biru, ceri dan bijirin penuh juga antara makanan yang baik untuk sistem pencernaan kerana ia mengandungi jumlah antioksidan yang tinggi.

Pankreas adalah organ yang terletak di bahagian belakang perut yang menghasilkan enzim untuk pencernaan makanan dan hormon seperti insulin. Saiznya adalah sepanjang 6 sentimeter (cm) dan berbentuk mirip berudu. Kepala pankreas ini terletak di sisi duodenum dan ekor pankreas terletak berdekatan dengan organ limpa spleen.

Radang pankreas (pankreatitis) adalah keadaan kesihatan yang menyebabkan pankreas bengkak dan tidak boleh menjalankan fungsinya secara normal. Masalah



KERADANGAN Pankreas.

Keradangan Pankreas, apa perlu anda tahu?

keradangan pankreas boleh mempengaruhi keupayaan pankreas untuk mencernakan makanan.

Tanda utama pankreatitis adalah sakit perut secara tiba-tiba. Rasa sakit ini muncul di bahagian tengah abdomen namun adakalanya terasa di sisi kanan atau kiri perut.

Gejala lain yang mungkin timbul pada pankreatitis akut adalah:

- Demam
- Cirit birit
- Rasa mual dan muntah.
- Gangguan pencernaan.
- Perut membesar dan sakit bila disentuh.

- Kulit dan mata menguning

Apakah penyebab keradangan pankreas (pankreatitis) ini? Dua gejala utama penyebab pankreatitis di Malaysia adalah:

- Batu hempedu

Hal ini terjadi apabila batu hempedu keluar daripada pundi hempedu dan menyumbat saluran pankreas. Sekitar 40 peratus penyebab pankreatitis disebabkan oleh batu hempedu tersumbat.

- Pengambilan alkohol

Cara penyebab dan kesan kepada pankreas sukar dipastikan tetapi pengambilan minuman keras secara kerap turut menyumbang kepada 30 peratus kes pankreatitis.


Selain daripada dua faktor di atas, ada juga penyebab lain, antaranya:

- Masalah genetik seperti cystic fibrosis.
- Kanser pankreas
- Kandungan kolesterol triglyceride yang tinggi
- Kesan sampingan ubat-ubatan
- Tingginya kadar kalsium dalam darah yang disebabkan oleh hyperparathyroidism
- Obesiti
- Infeksi virus, seperti demam campak
- Kesan sampingan dari prosedur ERCP
- Trauma di ulu hati seperti blunt trauma di tengah abdomen (seperti kemalangan, kesan tumbuk)

Komplikasi dari pankreatitis sekiranya tidak di rawat dari awal boleh menyebabkan:

- Nekrosis di pankreas
- Pankreas bernanah
- Kronik pankreatitis (chronic pancreatitis)
- Pseudocyst di pankreas

BEZA pankreas normal dan keradangan. (NOTA: gambar kecil sahaja)




Oleh itu bagaimanakah seseorang pakar dapat mengesani masalah ini. Diagnosis dapat dibuat dengan:

- Pengambilan darah amylase, lipase
- Ultrasound abdomen atau CT scan abdomen
- ERCP (endoscopic retrograde pancreatography)
- MRCP (magnetic resonance cholangiopancreatography)

Bagaimanakah untuk menghindari masalah ini? Sekiranya anda tahu puncanya, anda tentu boleh menghindarinya. Oleh itu:

- Elakkan pengambilan minuman beralkohol
- Sekiranya anda ada batu hempedu, anda perlu menjaga dan menghindari makanan berkolesterol tinggi
- Pengambilan makanan yang sihat dan seimbang

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang masalah keradangan pankreas atau menghadapi masalah kesakitan di ulu hati, anda boleh berhubung dengan saya **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoscopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka** di talian 06 2319999 Samb; 2131



KERADANGAN pankreas boleh menyebabkan sakit di ulu hati.

Anjing pengesanan buru pencuri kabel

Fiqa Jamal

JASIN - Polis terpaksa menggunakan khidmat Unit Anjing pengesanan (K9) untuk memburu dua lelaki cuba melarikan diri selepas dikesan mencuri kabel sistem telefon keemasan (ETS) di KM174.9 arah Utara Lebuhraya PLUS9 Jan lalu.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd. Ali berkata, terdahulu dalam kejadian jam 1.47 pagi sepasukan Polis Peronda PLUS mengesan kehadiran dua suspek berpakaian gelap dalam keadaan mencurigakan yang cuba melarikan diri.

Menurutnya, bertindak atas maklumat pihak PLUS, sepasukan pegawai dan anggota dari Ibu Pejabat Polis

Daerah (IPD) Jasin serta Unit K9 dikejarkan ke lokasi.

"Lokasi persembunyian kedua-dua suspek berusia 37 dan 42 tahun itu berjaya dikesan oleh Unit K9 kira-kira 500 meter dari lokasi kejadian.

"Hasil pemeriksaan di lokasi menemukan beberapa gulung kabel dan peralatan memotong dianggarkan kerugian berjumlah RM5,000," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, 17 Jan lalu.

Beliau berkata, hasil semakan suspek pertama mempunyai 25 rekod jenayah membabitkan 10 rekod dadah dan tiga rekod POCA manakala suspek kedua pula mempunyai satu

rekod jenayah serta dadah.

Mengulas lanjut, Abdul Majid berkata, kedua-dua suspek dipercayai menyasarkan kabel ETS milik PLUS sepanjang laluan antara Jasin hingga ke Tangkak, Johor.

"Hasil siasatan awal suspek disyaki terbabit dalam tujuh kes curi kabel iaitu enam di Johor dan satu lagi di Melaka.

"Tindakan suspek menyebabkan sebanyak 20 ETS sepanjang laluan berkenaan tidak boleh digunakan dan ini menyulitkan pengguna jika berlaku kecemasan," ujarnya.

Kedua-dua suspek ditahan reman hingga 19 Jan, bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 379/511 Kanun Keseksaan.



ABDUL Majid (dua dari kiri) menunjukkan barangan yang dirampas susulan kes cubaan curi kabel ETS milik PLUS di lebuhraya PLUS pada sidang media di IPK Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Suspek samun menyorok dalam tangki air



TANGKI air sebuah rumah pangsa yang menjadi lokasi persembunyian salah seorang suspek samun bersenjata di negeri ini.

Siti Salehah

AYER KEROH - Polis menahan empat lelaki berusia 32 hingga 43 tahun kerana disyaki terbabit dalam aktiviti samun bersenjatakan parang hasil beberapa serbuan berasingan.

Tangkapan dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, antara jam 12.30 tengah malam sehingga 5 pagi di Bukit Beruang dan Bukit Katil.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, bermula 9 hingga 15 Jan pihaknya menerima tiga laporan berkaitan kejadian samun bersenjatakan parang membabitkan warga asing.

"Ketika serbuan di sebuah rumah pangsa, seorang suspek cuba meloloskan diri namun dia berjaya dikesan ketika sedang bersembunyi dalam tangki air.

"Kita terpaksa meminta bantuan Jabatan Bombardier Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menahannya.

"Suspek terbabit kes samun sekitar Batu Berendam dan Ayer Keroh, mereka ini dipercayai aktif melakukan jenayah sejak awal tahun ini," katanya.

Christopher berkata, pihaknya percaya dapat menyelesaikan tiga kes samun sekitar daerah ini hasil kejayaan itu.

Beliau berkata, hasil ujian saringan awal air kencing mendapati kesemua suspek positif methamphetamine.

"Semakan dilakukan turut mendapati kesemua suspek mempunyai rekod jenayah lampau selain itu tiga daripada mereka tersenarai sebagai orang dikehendaki.

"Kesemua mereka kini direman sehingga esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan dan 395/397 akta sama," katanya.

Banglo jadi sarang simpan mercun, minuman keras

BANDARAYA MELAKA - Satu sindiket penyeludupan dikesan mempromosikan penjualan mercun kepada pelanggan sekitar negeri ini menggunakan laman sosial Facebook.

Mereka juga dikesan menyediakan katalog dan senarai jenis mercun yang ditawarkan kepada pelanggan.

Taktik kumpulan berkenaan dibongkar selepas polis menyerbu sebuah banglo di Bukit Cina, di sini, dijadikan tempat menyimpan mercun dan minuman keras tidak bercukai pada 14 Jan lalu.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, serbuan dijalankan sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka.

"Hasil serbuan menemukan 146 kotak mengan-

dungi pelbagai jenis mercun, 11 karton tin dan 13 botol minuman keras tidak bercukai dianggarkan bernilai RM150,000.

"Kami turut menahan tiga lelaki warga tempatan berusia 27 hingga 29 tahun.

"Manakala seorang lagi lelaki, Soh Wei Huang yang dipercayai dalang sindiket sedang diburu bagi membantu siasatan," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, 17 Jan lalu.


Menurutnya, kesemua mercun dirampas adalah untuk pasaran Melaka sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Mengulas lanjut, Abdul Majid berkata ketiga-tiga suspek ditahan reman dua hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 dan Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



ABDUL Majid menunjukkan barangan yang dirampas dalam serbuan di sebuah banglo di Bukit Cina. Foto Iqmal Haqim Rosman

Pengantin baharu **temui ajal** pulang kerja



MOTOSIKAL dinaiki mangsa dirempuh sebuah kereta dalam kemalangan Kilometer 196.6 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah selatan. Foto ihsan PDRM

Farah Suhaidah Othman

ALOR GAJAH - Jodoh seorang lelaki hanya bertahan 17 hari apabila maut dalam kemalangan Kilometer 196.6 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah selatan 18 Jan lalu.

Dalam kejadian pada jam 8.15 malam itu, Anwarie Azim Rozi, 23, menunggang Yamaha Y15Z maut di lokasi kejadian akibat parah pada seluruh anggota badan manakala pemandu Proton Persona iaitu lelaki berusia 47 tahun tidak cedera.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendent Arshad Abu berkata, siasatan awal mendapati mangsa dan pemandu kereta itu dalam perjalanan dari arah Seremban, Negeri Sembilan menghala ke Ayer Keroh.

Katanya, sebaik tiba di lokasi kemalangan Proton

“Po lis turut me minta sa ksi ke ja dia n untuk ta mpil me mb a ntu sia sa ta n dan ke s itu di sia sa t me ngikut Sek sye n 41(1) Akta Pe ng a ng kuta n Ja la n 1987 ”

Persona berkenaan hilang kawalan lalu merempuh motosikal mangsa dari arah belakang.


"Akibat kemalangan, mangsa tercampak ke atas jalan dan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, siasatan lanjut mendapati mangsa dalam perjalanan pulang dari tempat kerja di Serem-

ban.

"Mayat mangsa dihan- tar ke Hospital Alor Gajah untuk bedah siasat manakala pemandu kereta dim- minta hadir ke Balai Polis Trafik Alor Gajah untuk sia- satan lanjut.

"Polis turut meminta saksi kejadian untuk tampil membantu siasatan dan kes itu di siasat mengikut Sek- syen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.



MAYAT lelaki yang ditemui lemas di Sungai Malim. Foto: Ihsan Bomba Melaka

Dua lelaki **lemas** di sungai

MELAKA - Dua lelaki ditemukan lemas dalam dua kejadian berasingan di Sungai Melaka dan Sungai Malim, 16 Nov lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, dalam kejadian pertama di Sungai Melaka berhampiran Kampung Hulu, pihaknya menerima panggilan daripada orang awam yang menemukan seorang lelaki lengkap berpakaian terapung di sungai.

Katanya, mangsakemudian dibawa naik oleh pasukan bomba sebelum pegawai perubatan yang tiba di lokasi kejadian menge-

sahkan mangsa meninggal dunia pada jam 7.30 pagi.

"Siasatan di lokasi kejadian mendapati mangsa masih berada dalam keadaan berpakaian manakala mulutnya berbuih.

"Berdasarkan keterangan saksi, dia ter- nampak mayat lelaki terbabit terapung dalam air pada jam 7.15 pagi sebelum menghubungi polis dan bomba untuk bantuan," katanya.

Manakala satu lagi kejadian di Sungai Malim berhampiran Taman ASEAN, memba- bitkan seorang lelaki belum dikenal pasti identiti yang didakwaturun kesungai dengan hanya berseluar pendek.

Kejadian itu dimaklumkan saksi tempat kejadian yang sedang memancing di sungai berkenaan.

"Pasukan bomba memulakan proses pencarian pada jam 9 pagi sebelum menemu- kan mayat lelaki terbabit satu jam setengah kemudian pada jarak 15 meter daripada teb- ing sungai," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata pemerik- saan terhadap kedua-dua mangsa dan lokasi kejadian tidak menemukan sebarang unsur jenayah.

“ Pa suka n bo mba me mula ka n pro se s pen ca rian pa da jam 9 pa gi se be lum me ne mu ka n ma ya t le la ki te rb a bit sa tu ja m se te ng a h ke mu dia n pa da ja rak 15 me te r da ri pa da te bing sun g ai ”

BANDAR BARU SUNGAI UDANG, MELAKA

(BELAKANG KFC)

RUMAH TERES 1 TINGKAT
24'x65' | 24'x84'
dari **RM266,000.00**

RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT
60' x 70'
dari **RM472,000.00**

KEDAI 2 TINGKAT
24' x 65'
dari **RM548,000.00**

CENGAL PADU SDN BHD
G-26, Jalan KPMJ 3, Kompleks Perniagaan Musai Jaya, 75400 Melaka
06-264 4212 | 016-661 5783 | <http://www.wasap.my/60166615783>

Tapak sampah haram ditutup



LOKASI tapak pembuangan sampah haram di Serkam yang ditutup JAS.

Fiqa Jamal

SERKAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka bertindak menutup tapak pembuangan sampah haram di atas rizab jalan kerajaan negeri di Serkam, di sini.

Pengarahnya, Rosli Osman berkata, JAS Melaka bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) negeri melakukan pemantauan dan siasatan selama dua minggu susulan aduan pembakaran terbuka di kawasan itu.

Katanya, hasil siasatan mendapati lokasi berkenaan dijadikan tempat melupuskan sampah oleh penduduk sekitar dan orang luar.

"Perkara ini sudah lama berlarutan, kami pernah memberikan teguran kepada orang awam di kesan turut membakar sampah yang dibuang.

“Tindakan hasil siasatan itu, JAS akan memasang gegantung 'Larangan Pembuangan Sampah’”

"Tindakan hasil siasatan itu, JAS akan memasang gegantung 'Larangan Pembuangan Sampah'. Kami juga meminta SWCorp memberihkan kawasan terbabit.

"Dipercayai pengutip barang-lusuh bertindak membakar sampah di lokasi berkenaan," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Rosli berkata, individu didapati melakukan pembakaran terbuka, boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya

sekali dan kompaun sehingga RM2,000.

Beliau, mengingatkan orang ramai agar tidak melakukan pembakaran terbuka terutama ketika cuaca panas dan kering melanda Melaka ketika ini.

Orang awam boleh melaporkan sebarang aduan kepada Jabatan Alam Sekitar dengan menghubungi talian bebas tol di 1-800-88-2727, atau email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

Pemaju diarah baiki masalah rumah retak, tanah mendap

Siti Salehah

DURIAN TUNGGAL - Keluhan pembeli Rumah Mampu Milik (RMM) Taman Bukit Tambun Perdana, Durian Tunggal, berhubung kerosakan pada kediaman mereka mendapat perhatian kerajaan negeri dan Lembaga Perumahan Melaka (LPM).

Pengarah Eksekutif LPM Mohd Salleh Hamidom berkata, mesyuarat dan perjumpaan dengan pihak berkenaan membabitkan wakil pembeli serta pemaju yang turut dihadiri Exco Perumahan Datuk Zaidi Atan juga sudah diadakan.

Beliau berkata, perjumpaan itu bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian berhubung masalah pembeli.

"Kerosakan pada struktur kediaman pembeli seperti keretakan pada dinding dan mendapan tanah akan dibaik pulih serta diselenggara.

"LPM juga akan melakukan pem-

“LPM juga akan melakukan pemantauan memandangkan kesemua unit rumah terjejas masih dalam tempoh dan tanggungjawab pihak pemaju”

antauan memandangkan kesemua unit rumah terjejas masih dalam tempoh dan tanggungjawab pihak pemaju," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mohd Salleh berkata, pemaju juga sudah dimaklum berhubung perkara itu dan diminta untuk menyediakan laporan perancangan berkaitan masalah yang diadukan oleh pembeli.

"Perumahan itu mempunyai tiga fasa dengan lebih 1,000 unit rumah namun tidak semua yang terbabit. Difahami agak kritikal pada fasa 3 dan belum diduduki sepenuhnya," katanya.



EXCO Perumahan Datuk Zaidi Atan (dua dari kiri) bersama Mohd Salleh (dua dari kanan) meninjau masalah kerosakan pada projek perumahan di Taman Bukit Tambun Perdana.



ANTARA monyet liar yang memasuki perangkap di Kampung Londang.

Umpan epal perangkap monyet liar

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - "Sebelum ini saya guna umpan pisang tapi gagal menarik perhatian haiwan liar itu, meskipun sudah lima hari dipasang belum ada monyet masuk perangkap.

"Jadi saya gantikan dengan buah epal dan alhamdulillah cara itu membuahkan hasil, pagi tadi saya lihat lima ekor monyet pelbagai saiz masuk perangkap," kata Noor Faridah Mat, 52.

Ibu tunggal itu menarik nafas lega selepas kumpulan monyet liar merosakkan peralatan rumah dan kerepek pisang dihasilkan akhirnya berjaya diperangkap.

Katanya, perangkap itu dipasang kakitangan Jabatan Perlindungan

Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) 13 Jan lalu susulan aduan penduduk.

Namun, usahanya untuk menghampiri perangkap berkenaan gagal berikutan beberapa monyet bersaiz besar berkeliaran sekitar perangkap berkenaan kelihatan agresif seolah-olah mahu menyerang.

"Monyet bersaiz besar itu memamerkan taringnya, mungkin marah kerana perangkap di pasang di kawasan itu," katanya Ketika ditemui di rumahnya di Kampung Londang, di sini.

Melaka Hari ini (MHI) 12 Jan lalu melaporkan Noor Faridah, hanya mampu menitiskan air mata selepas kerepek pisang yang diusahakannya dirosakkan sekumpulan monyet liar.

Melaka Rumahku sinar buat lima beranak

Din Ahmad

LENDU - Lima sekeluarga yang sebelum ini hidup dalam ketakutan disebuah rumah hampir roboh, bersyukur apabila diberikan penginapan baharu yang lebih selesa.

Rohaya Md Din, 40, dan keluarganya hanya mampu memanjatkan kesyukuran di atas keprihatinan kerajaan negeri selepas diberikan rumah secara percuma melalui program Melaka Rumahku.

"Rumah lama kami terlalu usang dan boleh mengancam keselamatan. Boleh cakap kalau ditolak dengan jari pun boleh roboh.

"Alhamdulillah, sekarang kami tidak bimbang lagi kalau angin kencang atau hujan lebat yang sebelum ini menyebabkan rumah lama banjir akibat bumbung bocor," katanya.

Suri rumah yang menghidap penyakit jantung itu berkata, dia tidak mampu menjalankan kerja pembaikan rumah yang sudah terlalu uzur kerana suaminya, Mohd Affarizal Othman, 41, hanya ber-

gantung rezeki kepada kerja kampung.

Dek kerana bimbang keselamatan diri, suami dan tiga anak berusia antara tujuh hingga 14 tahun, dia memohon bantuan rumah daripada kerajaan negeri tahun lalu.

"Alhamdulillah, rumah baharu mempunyai tiga bilik, satu bilik air dan dapur yang lebih selesa berbanding rumah lama yang sudah terlalu daif," katanya.

Terdahulu, dia sekeluarga menerima replika kunci rumah daripada Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali di kediamannya di Kampung Air Hitam, Lendu.

Rumah berkenaan dibina melalui konsep tanggungjawab sosial korporat (CSR) LPM dengan kos RM40,000, selain Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) memasang meter elektrik dan air secara percuma.

Sementara itu, suaminya, Mohd Affarizal berkata, dia tidak mampu membaik pulih rumah ke-



SITI Rohaya dan Mohd Affarizal bersama anak-anak bergambar selepas majlis simbolik penyerahan kunci Melaka Rumahku di Kampung Ayer Hitam, Lendu. Foto Iqmal Haqim Rosman

rana kehilangan pekerjaan sebagai pembantu kantin di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Alor Gajah akibat perintah kawalan pergerakan (PKP).

Dia yang cacat mata kanan sejak lahir terpaksa bergantung kepada bantuan bulanan RM200 Majlis Agama Islam Melaka

(MAIM) untuk memastikan bekalan bahan makanan tidak terputus.

"Sekarang saya hanya bergantung kepada kerja mengambil upah memotong rumput dan membersihkan kebun.

"Dengan pendapatan sebanyak itu, saya hanya mampu membeli beras dan barang makan lain

untuk keluarga.

"Sudah pasti saya tidak mampu membuat kerja pembaikan rumah, apatah lagi membina rumah dan dengan anugerah rumah secantik ini, kami amat bersyukur kepada Allah serta berterima kasih kepada kerajaan negeri," katanya.



PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

MELAKA HARI INI

TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936

AUTOMOTIF
Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori

HARTANAH
Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah

KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot

NOTIS
Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

www.melakahariini.my    Melaka Hari Ini  

Thaipusam 'sepi' tanpa kavadi

Faiz Hasan

BATU BERENDAM – Sambutan perayaan Thaipusam di Kuil Subramaniam Devasthanam, di sini dijalankan dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Walaupun hanya tiga kuil dibenarkan menjalankan upacara keagamaan pada sambutan Thaipusam kali ini ia bukan penghalang bagi penganut agama Hindu merayakan kesyukuran dan melepaskan hajat pada perayaan bulan ke-10 dalam kalendar Tamil itu.

Penganut agama Hindu G Vineshwaran 32, sanggup memandu sejauh 60 kilometer dari Kuala Sungai Baru, untuk merayakan perayaan itu.

Diabersama isteri E Vinothiny, 29 bersiap seawal jam 5 pagi sebelum memandu ke Kuil Subramaniam Devasthanam.

Katanya, sambutan Thaipusam kali ini agak berbeza kerana upacara perarakan kavadi yang menjadi tarikan utama tidak dibenarkan.

"Rasa sayu bila dapat tahu upacara perarakan kavadi tidak dibenarkan kerana kalau Thaipusam mesti kena ada kavadi kalau tak bukan Thaipusam.

"Apapun kita bersyukur kerana Thaipusam kali ini masih boleh diraikan meskipun kena ikut SOP demi



PENGANUT Hindu melakukan upacara keagamaan sempena sambutan Thaipusam di Kuil Subramaniam Devasthanam, Batu Berendam Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

mengekang penularan pandemik COVID-19.

"Masa diberikan kepada setiap pengunjung untuk melakukan upacara keagamaan atau sembahyang juga singkat tapi kita kena akur kerana masih boleh merayakan Thaipusam," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Sementara itu, tinjauan

MHI di Kuil Subramaniam Devasthanam, di sini mendapati, rata-rata penganut agama Hindu akur dengan arahan kerajaan yang menghadkan aktiviti tertentu pada sambutan perayaan Thaipusam kali ini.

Pengerusi kuil berkenaan, M Murugan berkata, pengunjung mematuhi

(SOP) ditetapkan dengan menjaga penjarakan sosial dan mengimbas aplikasi MySejahtera.

"Kita perlu akur dalam hal ini agar tidak menyebabkan berlaku penularan wabak COVID-19," katanya.

Sementara itu, Setiausaha kuil terbabit, S Ravishandran berkata, pihaknya

melakukan persediaan sejak sebulan lalu bagi memastikan sambutan Thaipusam dijalankan mengikut SOP ditetapkan.

Katanya, seramai 50 orang membabitkan kakitangan kuil, pelajar dan sukarelawan membantu bagi memastikan sambutan Thaipusam berjalan lancar.

"Terima kasih diucapkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, Jabatan Perpaduan Negara dan semua pihak yang membantu.

"Kami jangka seramai 1,000 penganut agama Hindu akan singgah ke kuil ini untuk perayaan kali ini," katanya.



SUKARELAWAN Pertubuhan Krishna Balam Melaka melakukan sanitasi di perkarangan Kuil Subramaniam Devasthanam, Batu Berendam Melaka sempena sambutan Thaipusam. Foto Iqmal Haqim Rosman



UPACARA 'Paal Koodam' atau membawa belanga berisi susu yang dilakukan bersempena Thaipusam di Kuil Subramaniam Devasthanam, Batu Berendam. Foto Iqmal Haqim Rosman

Leypark Station serikan suasana malam



ZAIDI (kiri) bersama Shadan ketika melawat sempena pembukaan rasmi 'Leypark Station' di Dataran Ayer Keroh.

Norizan Muhid

AYER KEROH - Suasana sekitar Dataran Sejarah Ayer Keroh yang sebelum ini sunyi sepi kini berubah wajah dengan pembukaan pasar Malam Leypark Station.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman berkata, Leypark Station dibangunkan dengan konsep pasar malam seakan Jonker Walk yang popular di Banda Hilir.

Menurutnya, Leypark Station dibuka kepada pengunjung empat hari seminggu bermula malam khamis.

"Sejak dibuka sebulan lalu, Leypark Station telah berjaya menarik lebih 1,000 pengunjung," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Zaidi Atan melawat operasi peniaga Leypark Station, 15 Jan lalu.

Menurut Shadan, seramai 40 peniaga menjual makanan dan pelbagai barangan cenderamata di Leypark Station sekali gus menawarkan kepelbagaian destinasi tumpuan pelancong ke negeri ini.

"Usaha ini diharap dapat membantu menarik kunjungan dan lebih banyak tumpuan pengunjung untuk menikmati suasana malam di Ayer Keroh selepas ini," katanya.

Ini kerana sebelum ini, menurut Shadan, pengunjung khususnya pelancong luar terpaksa memandu sejauh kira-kira 15 kilometer ke pusat bandar semata-mata mahu merasai suasana malam.

Kata beliau, kunjungan lebih ramai pelancong ke kawasan itu dijangka bertambah apabila pembukaan taman bunga di Dataran Sejarah bulan depan.

Katanya, Leypark Station bukan sahaja bakal menjadi destinasi pelancongan baharu malah menyediakan lebih peluang peniaga kecil untuk menambah pendapatan mereka dengan berniaga di situ.

HARTANAH UNTUK DIJUAL

TAMAN DUYONG BESTARI
DUYONG, MUKIM MELAKA TENGAH, MELAKA
LOT 1446/PT 5236, 5237, 5238, 5239, 5272 & 5273

MUKIM PERNU,
DAERAH MELAKA TENGAH,
MELAKA
LOT 1707 - LOT 1714

NOA RESIDENCE
MUKIM BERTAM,
DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA

MUKIM BUKIT KATIL, DAERAH MELAKA
TENGAH, MELAKA
LOT 2750-2751, 26001 - 26002, 2753-2758 & 2829-2832

Jurulatih Korea kemudi Harimau Malaya

PETALING JAYA - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) melantik bekas Pengarah Pasukan Kebangsaan Persatuan Bolasepak Korea (KFA) Kim Pan Gon, sebagai ketua jurulatih baharu skuad Harimau Malaya bagi menggantikan Tan Cheng Hoe.

Presiden FAM Hamidin Mohd Amin berkata jurulatih berusia 52 tahun itu, akan melapor diri pada pertengahan Feb, dengan kontrak selama dua tahun dan pilihan tambahan dua tahun lagi.

Beliau berkata Pan Gon yang menjadi pengendali pertama dari Korea Selatan dilantik ke jawatan itu sejak 1963, akan membawa empat staf kejurulatihan sendiri, terdiri daripada pembantu jurulatih, jurulatih kecergasan dan penjaga gol serta penganalisis.

"Selepas menerima permohonan dari seluruh dunia, kita mendapati beliau (Pan Gon) merupakan calon terbaik, dan antara kriteria pemilihan adalah pemahamannya mengenai bola sepak Malaysia, pernah melatih pasukan kebangsaan, mempunyai rangkaian antarabangsa, tahu siapa musuh Malaysia,

maksudnya kita bermain di ASEAN dan Asia, jangkauan kita.

"Jika FAM berpuas hati dengan prestasinya untuk dua tahun ini, kita akan sambung (kontrak) untuk dua tahun lagi, tentunya nak layak ke Piala Asia," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Pertama Jawatankuasa Eksekutif FAM di Wisma FAM di sini, 21 Jan lalu.

Pan Gon yang pernah beraksi bersama kelab Ulsan Hyundai dan Jeonbuk Hyundai Motors di Korea Selatan pada era 1990-an, memulakan karier kejurulatihan selaku penolong jurulatih Busan IPark FC (2005-2008), ketua jurulatih kebangsaan Hong Kong (2009-2010), penolong jurulatih Gyeongnam FC (2011) dan kembali ke Hong Kong (2012-2017).

Beliau menggantikan Cheng Hoe yang melepaskan jawatannya pada 2 Jan lalu dengan mengambil tanggungjawab susulan prestasi hambar pasukan Harimau Malaya di Singapura, yang gagal mara ke separuh akhir Piala AFF 2020.

Hamidin bagaimanapun, menegaskan bahawa pelantikan jurulatih tidak



KIM Pan Gon dipilih mengemudi skuad bola sepak kebangsaan dengan kontrak dua tahun.

akan menyelesaikan masalah skuad Harimau Malaya secara keseluruhan.

"Jadi kita mahu mengadakan perbincangan dengan Liga Bolasepak Malaysia (MFL) bagi me-

astikan kelab di Liga Malaysia menghasilkan pemain yang berkualiti," katanya.

Pada sidang media itu, Hamidin turut mengumumkan peletakan jawatan Datuk Mohd Yusoff Mahadi

sebagai pengurus pasukan Harimau Malaya.

Mengenai desakan di media sosial agar Hamidin meletak jawatan berikutan kegagalan skuad Harimau Malaya dalam kempen Piala

AFF 2020, Presiden FAM itu berkata beliau masih mempunyai banyak tanggungjawab untuk diselesaikan, selaku pemimpin badan induk bola sepak negara itu. - BERNAMA

Lee Zii Jia tinggalkan BAM, 'digantung' dua tahun

KUALA LUMPUR - Pemain perseorangan lelaki utama negara Lee Zii Jia telah membuat keputusan meninggalkan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) untuk bergerak sebagai pemain profesional.

Juara All England 2021 yang kini menghuni ranking ketujuh dunia telah menghantar surat peletakan jawatan kepada badan induk itu pada 11 Jan lepas.

Presiden BAM Tan Sri Mohamad Norza Zakaria mengesahkan perkara berkenaan setelah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pemain berusia 23 tahun itu.

Katanya, pelbagai usaha telah dilakukan bersama Setiausaha Agung BAM Kenny Goh yang juga pengerusi Kejurulatihan dan Latihan (C&T) untuk memujuk Zii Jia kekal bersama BAM, namun pemain itu tetap dengan pendiriannya.

Mohamad Norza berkata pihaknya jelas kecewa dengan keputusan Zii Jia selepas menjaga dan membantu pembinaan karier sejak berumur 13 tahun bagi merealisasikan hasratnya untuk menjadi seperti jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei.

"Beliau baru sahaja memenangi satu All England, seharusnya beliau fokus dan kekal pada BAM.

"Namun, beliau menyatakan bahawa beliau bukan Chong Wei, tidak boleh tahan tekanan, mahu mencapai apa yang diinginkan sendiri dengan ruang yang beliau mahu tanpa kekangan.

"Saya rasa beliau tidak ada masalah dari segi dalam BAM sendiri, kalau kita lihat Chong Wei, 19 tahun bersama BAM.



Zii Jia memilih untuk bergelar pemain profesional selepas menghantar surat peletakan jawatan kepada BAM 11 Jan lepas.

"Apabila sampai kemuncak prestasi sebagai pemain, BAM adalah tempat untuk teruskan karier untuk sampai nombor satu dunia atau legenda satu hari nanti. Tapi mungkin beliau mempunyai keutamaan lain," katanya.

Sehubungan itu, BAM dalam satu sidang media pada 21 Jan membuat keputusan untuk tidak mendaftarkan Zii Jia daripada menyertai mana-mana kejohanan antarabangsa selama dua tahun.

Timbalan Presiden BAM Datuk Seri Jahaberdeen Mohamed Yunoos berkata, keputusan itu akan berkuat kuasa 18 Jan 2022, namun masih boleh dirayu pemain itu.

Selain Zii Jia, sorang lagi pemain perseorangan wanita negara, Goh Jin Wei turut dikenakan hukuman sama yang berkuat kuasa 30 Okt 2021.

6TH ANNIVERSARY

Shop & Win

26TH NOV 2021 - 15TH FEB 2022

PRIZES WORTH UP TO **RM150,000**

1x Grand Prize **Proton X50**

WEEKLY PRIZES: 6X iPhone 13 Pro Max & 5x iPhone 13 Pro

WEEKLY PRIZES: 11X iPad 9

+606 - 552 8888 | +6014 - 668 9196

Terms & conditions apply.

STL2021: Melaka Titans buru slot final

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDARAYA MELAKA - Melaka meletak sasaran mara ke perlawanan akhir kejohanan Sepak Takraw League (STL) 2021 Divisyen 1, yang akan berlangsung awal bulan depan.

Presiden Persatuan Sepak Takraw Melaka (PASTAM) Datuk Akramuddin Abdul Aziz berkata, sasaran itu ditetapkan selepas skuad Melaka Titans membawa masuk beberapa pemain berpengalaman bagi menepuh cabaran musim ini.

Katanya, kehampaan musim lalu apabila gagal di separuh akhir juga banyak memberi pengajaran kepada pasukan untuk menebus kembali kesilapan yang dilakukan.

"Saya mengakui musim lalu (STL2020) ada sedikit kealpaan di peringkat kami ahli jawatankuasa yang mana kita tidak meletakkan fokus yang sepatutnya kepada Melaka Titans.

"Jadi, kita mahu tebus kehampaan itu dengan membawa masuk pemain berbeza yang pernah be-

raksi bersama pasukan-pasukan besar sebelum ini.

"Musim ini memang kita mengharapkan untuk melangkah ke perlawanan akhir dan seterusnya beraksi di saingan liga teratas iaitu STL Premier bagi musim 2022," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Memperkenalkan Pemain STL Melaka 2021/2022, di sini, 18 Jan lalu.

Untuk musim 2021/22, Melaka Titans bakal mempertaruhkan Sahidan Md Ali dan Iskandar Zulkarnain Salim sebagai tekong, manakala posisi apit kanan bakal dibarisi Mohd Fadzil Baharudin, Mohammad Sollehuddin Aziz dan Muhammad Najib Abd Rahman.

Posisi apit kiri pula bakal diperkuat dengan kehadiran Muhammad Umar Mohammad dan Mohd Zarizan Zakaria yang merangkap ketua pasukan.

Melaka Titans turut menamakan Mohd Faiz Azalli sebagai Pengurus Pasukan dan Riduan Ramli sebagai ketua jurulatih.

Pengenalan pemain dan bari-



BARISAN pemain dan staf kejurulatihan Melaka Titans yang bakal membawa cabaran pada kejohanan Sepak Takraw League (STL) 2021 Divisyen 1.

san kejurulatihan itu telah disempurnakan Exco Sukan V P Shanmugam yang mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk

Wira Ibrahim Durum, Exco Luar Bandar Datuk Abdul Razak Abdul Rahman dan lain-lain kenamaan.

Dalam pada itu, Akramuddin yang juga Pemangku Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) turut memaklumkan Melaka

bakal menjadi salah satu venue bagi saingan STL musim 2022 yang dijadual pada Oktober depan.

Katanya, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dicadang menjadi lokasi penganjuran itu nanti.

Mencari regu sepak takraw terbaik Melaka



AKRAMUDDIN (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Exco Sukan V P Shanmugam yang mewakili Ketua Menteri selepas melancarkan Kejohanan Tertutup Sepak Takraw Negeri Melaka merebut Piala Sulaiman 2022.

BANDARAYA MELAKA - Persatuan Sepak Takraw Melaka (PASTAM) bakal mengembalikan kemeriahan sukan sepak takraw di negeri ini dengan memperkenalkan kejohanan sepak takraw tertutup Melaka merebut Piala Sulaiman 2022.

Presiden PASTAM Datuk Akramuddin Abdul Aziz berkata, idea penganjuran itu tercetus berikutan Melaka sudah lama tidak menganjurkan pertandingan sepak takraw.

Katanya, selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Datuk Seri

Utama Sulaiman Md Ali perkara itu telah dibincangkan dan dipersetujui, sebelum memilih nama Piala Sulaiman sebagai tanda penghargaan kepada Ketua Menteri itu sendiri.

"Bila idea itu dilontarkan, Ketua Menteri (Sulaiman) telah bersejua memandangkan pertandingan sepak takraw di Melaka telah jarang diadakan.

"Kali terakhir kita ada pertandingan ialah pada 2017 dan sebab itulah kita akan mengembalikan semula pertandingan seperti itu menerusi Piala Sulaiman," kat-

anya dalam pelancaran Piala Sulaiman, 18 Jan lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata kejohanan itu akan mengikut format Persekutuan Sepak Takraw Asia (ASTAF) dan Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dengan penyertai 48 regu terbaik.

Namun, ia hanya akan dibuka kepada pemain asal Melaka yang mempunyai kad pengenalan 04 dan 30 sahaja.

"Insya-Allah jika dapat sambutan menggalakkan, untuk edisi seterusnya kita akan buka penyertaan dari luar pula," katanya.

'Sabar, beri peluang kepada Hamidin' - Sulaiman

Faiz Hasan

AYER KEROH - Presiden Persatuan Bola Sepak Melaka United (MUSA), Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menyatakan sokongannya terhadap kepimpinan Datuk Wira Hamidin Mohd Amin menerajui Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Sulaiman memohon semua pihak bersabar dan memberi peluang kepada Hamidin biarpun ada yang mendesaknya meninggalkan kerusi badi induk itu.

"Janganlah disebabkan satu kegagalan itu kita minta (Hamidin) letak jawatan, sabar, ... semua orang boleh berikan pandangan tapi janganlah satu kali gagal itu, dia gagal semuanya,

"Masing-masing boleh berikan pandangan (dan) saya selaku Presiden MUSA memberi pandangan Datuk Wira Hamidin masih lagi perlu diberi peluang.

"Bukan kegagalan itu akan berterusan, tidak, kita tak boleh salahkan (beliau atau) disebabkan pemain, jurulatih dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Kongres MUSA ke-66 diadakan di Hotel MITC, di sini, 16 Jan lalu.

Sulaiman mengulas mengenai desakan segilintir pihak terutamanya warga maya yang mahu Hamidin melepaskan jawatan susulan kegagalan skuad Harimau Malaya di Piala AFF di Singapura bulan lalu.

Beliau berkata, setiap pandangan dan kritikan di media sosial terhadap FAM perlulah diterima dan ditambah baik demi masa depan badan induk bola sepak negara itu.

"Netizen memang boleh memberi pandangan, kita terima, kita ambil kita tambah baik man yang kurang, kritikan itu kita terima sebaik mungkin, yang betul, betul dan yang salah tetap salah," ujarnya.





>>
**Zii Jia
tinggalkan
BAM**
■ 30

Sukan

MELAKA HARI INI



>> **Melaka Titans
mahu tebus dendam**
31

Liga Melaka kembali!



SULAIMAN (empat dari kiri) berucap pada Kongres MUSA ke-66 di Hotel MITC.

Faiz Hasan

AYER KEROH - Kemeriahan penganjuran Liga Melaka perlu dikembalikan bermula tahun ini selepas terhenti selama beberapa tahun.

Presiden Persatuan Bolesepak Melaka United (MUSA), Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, penganjuran itu mampu menarik semula kemeriahan perlawanan bola sepak di negeri ini.

Katanya, ia berikutan liga berkenaan pernah menerima penyertaan lebih 50 kelab gabungan membabitkan saingan tiga divisi di Melaka.

"Harapan saya semoga kelab-kelab gabungan dapat terus memberikan sokongan kepada persatuan di waktu sukar ini.

"Ia kerana dengan sokongan kita semua, persatuan ini dapat terus melaksanakan perannya dalam mengelola sukan bola sepak Negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan pembukaannya dalam Kongres MUSA ke-66 diadakan di Hotel MITC, di sini, 16 Jan lalu.

Hadir sama, Timbalan Presiden MUSA Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi, Exco Sukan VP Shanmugam dan Ketua Pegawai Eksekutif Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) Datuk Wira Justin Lim.

Dalam pada itu, Sulaiman turut menyeru kelab gabungan bola sepak agar lebih proaktif bersama MUSA membangunkan pelbagai program bakat bola sepak di peringkat akar umbi.

Kerjasama semua pihak, katanya, amat penting dalam memastikan kesinambungan bola sepak dapat diketengahkan di negeri dan negara ini pada masa hadapan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Liga Melaka Datuk Khairi Anuar Ahmad memaklumkan saingan Liga Melaka edisi 2022 akan diadakan pada Feb depan.

Beliau berkata penyertaan bagi saingan itu telahpun dibuka kepada semua Kelab Ga-

bugan yang berminat.

Jelasnya, tarikh akhir penyerahan borang pengesahan pasukan adalah pada 26 Jan ini, manakala tarikh akhir penyerahan borang pendaftaran pula pada 16 Feb depan di Wisma MUSA.

"Saingan Liga Melaka 2022 akan diadakan mengikut format liga tiga bahagian iaitu Liga Bahagian 1 & 2 - 12 pasukan manakala Liga Bahagian 3 pula berpandukan pada pasukan yang menyertainya.

"Semua perlawanan akan dimainkan di Padang 10, Wisma MUSA manakala Perlawanan Akhir akan diadakan di Stadium Hang Tuah," katanya dalam satu kenyataan.

VIDAKOVIC



'Vida' jurulatih baharu Melaka United

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) mengumumkan Risto Vidaković sebagai Ketua Jurulatih baharu menggantikan Zainal Abidin Hassan yang tidak disambung kontrak.

MUFC dalam satu kenyataan memaklumkan, Vidaković, jurulatih dari Bosnia & Herzegovina itu mempunyai pengalaman luas dalam arena bola sepak kerana pernah membimbing beberapa kelab di sekitar Eropah dan Asia.

Malah, pengendali berusia 53 tahun itu turut pernah membantu kejayaan hatrik kelab Filipina Ceres Negros pada musim 2017, 2018 dan 2019.

"Sepanjang bergelar jurulatih beliau telah membantu kejayaan 'hat-trick' Ceres-Negros dalam saingan Philippines Football League pada 2017, 2018 dan 2019 selain membawa Maziya menjuarai Dhivehi Premier League 2020-2."

"Beliau pernah membimbing kelab Liga 1 Indonesia, Borneo FC, selain pernah bersama skuad kebangsaan Serbia selaku Penolong Jurulatih sekitar 2006 hingga 2007.

"Sepanjang bergelar jurulatih beliau telah membantu kejayaan 'hat-trick' Ceres-Negros dalam saingan Philippines Football League pada 2017, 2018 dan 2019

selain membawa Maziya menjuarai Dhivehi Premier League 2020-21.

"Selamat menyertai kami di Melaka United FC, semoga dengan pengalaman yang dimiliki Risto bakal memantapkan lagi persiapan Skuad Hang Tuah bagi menghadapi saingan Liga Malaysia musim ini," kata kenyataan itu.